



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

MENGGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' William Chek Lim Kwai
Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah
Y.B. Tuan Munisamy a/l Kuppan
Y.B. Tuan Rahim bin Baha [Ruangan 3557]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 3557)
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3558]
Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 3559)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3561]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) [Ruangan 3630]
Rang Undang-undang Sewa-Beli (Pindaan) [Ruangan 3652]
Rang Undang-undang Refl Spesifik (Pindaan) [Ruangan 3668]
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) [Ruangan 3672]

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHU-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.
(Dilantik).

Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN
MOHAMED (Dilantik).

TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

„ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau
Pinang).

TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, D.M.S.M., D.S.M., A.M.N.,
P.J.K., J.C. (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik-Wilayah
Persekutuan).

PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang).

TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).

DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).

Yang Berhormat TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).

TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).

TUAN DING SELING (Dilantik).

TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).

TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darul Makmur).

TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).

PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.I.K. (Terengganu).

WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).

TUAN HO CHENG WANG (Perak).

PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDAN, B.S.K. (Sabah).

TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik-Wilayah Persekutuan Labuan).

TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).

TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).

TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).

PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).

TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).

PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).

DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).

JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.U.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).

TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan),

„ TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN, A.M.N., A.M.P., P.P.T. (Dilantik).

TUAN MUSTAPA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).

TUAN NEO TUAN CHENG, P.P.N. (Johor).

TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).

DATO' NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).

DR NORDIN SELAT (Dilantik).

TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).

PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).

Yang Berhormat PUAN ROSALIND YAU SHUK MENG, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).

TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).

TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).

TUAN HAJI SHUIB BIN SHAWAL, A.M.K., A.N.M., 'P.J.K. (Kedah).

TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).

DATUK TAN GIM HUA, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).

DATO' TAN TIEW BOCK, D.P.M.P., A.M.P. (Dilantik).

TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).

DATO' VADIVELLOO A/L GOVINDASAMY, D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik).

TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DERUS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binli Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 16hb Disember, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA****MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Dato' William Chek Lin Kwai
2. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah
3. Tuan Munisamy a/l Kuppan
4. Tuan Rahim bin Baba
5. Tuan Tiong Thai King
6. Tuan Ding Seling
7. Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy
8. Tuan Haji Shuib bin Shawal

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA****MENGALU-ALUKAN AHLI
BARU**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi, Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik, dipilih dan dilantik semula itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini, iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1991;
2. Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltangan Awam) (Pindaan dan Perluasan) 1991;
3. Akta Mahkamah-mahkamah Anak Negeri (Bidangkuasa Jenayah) 1991;
4. Akta Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) 1991;
5. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1991;
6. Akta Perkhidmatan Lapanganterbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991;
7. Akta Keretapi 1991;
8. Akta Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991;
9. Akta Optik 1991;

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 10. Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1991; 11. Akta Perkhidmatan Pos 1991; 12. Akta Perkhidmatan Pos (Syarikat Penggami) 1991; 13. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991; 14. Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan (Pembubaran) 1991; 15. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1991; 16. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan) 1991. | <ol style="list-style-type: none"> 4. Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991; 5. Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan); 6. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan); 7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2); dan 8. Rang Undang-undang Ekstradisi. |
|---|--|

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT."**

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"30hb Oktober, 1991

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Sewa-Beli (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

1. Rang Undang-undang Sewa-Beli (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Relif Spesifik (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1991;
5. Rang Undang-undang Kemajuan Tanah (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2); dan
8. Rang Undang-undang Ekstradisi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

MONOREL DI KUALA LUMPUR

1. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sistem "Monorail" akan dijalankan di Kuala Lumpur sebagai usaha positif untuk mengurangkan kesesakan lalulintas yang kian meruncing di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, projek sistem monorel di Kuala Lumpur telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14hb Jun, 1989 bagi menggantikan sistem aerobus untuk tujuan perkhidmatan dalam pusat bandaraya (intra-city service) Kuala Lumpur. Pada masa itu projek ini telah diluluskan supaya dilaksanakan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kerajaan telah bersetuju bahawa projek ini akan dilaksanakan secara penswastaaan. Setakat ini projek penswastaaan sistem monorel ini masih lagi di peringkat perancangan.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang membuat soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak silap saya projek ini pernah diberikan kepada satu kompeni bernama SATIRA tetapi hari ini Yang Berhormat mengumumkan bahawa akan diswastakan. Saya ingin tahu apabila benda ini diswastakan, adakah Yang Berhormat memberi jaminan kepada rakyat di dalam

Wilayah Persekutuan supaya tidak dibebankan dengan kenaikan harga tambang? Itu yang saya hendak tahu.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa pada masa yang lalu Kerajaan bercadang supaya Dewan Bandaraya melaksanakan sepenuhnya projek ini dan memang terdapat sebuah syarikat yang dicadang, dirancang untuk mengelolakan projek monorel ini. Bagaimanapun, keputusan telah dibuat untuk penswastaaan dan memang terdapat beberapa justifikasi Kerajaan yang boleh menguntungkan Kerajaan dan rakyat dari segi penswastaaan projek monorel ini.

Yang pertama tentulah ia akan mengurangkan atau sama sekali tidak dikenakan bebanan kos kepada Kerajaan. Oleh kerana pihak swasta akan menjalankan projek ini, segala bebanan kos akan ditanggung oleh pihak swasta. Saya bolehlah beri keyakinan di Dewan yang mulia ini bahawa dengan penswastaaan projek monorel tambangnya akan memadai dan tidak memberi beban yang tinggi kepada pengguna.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek monorel dan juga aerobus ini, saya percaya daripada penduduk Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur telahpun lama mendengarnya tetapi belum ada menjadi kenyataannya. Saya percaya salah satu daripada sebabnya ialah kerana projek monorel ini memakan belanja yang banyak dan tidak banyak syarikat yang berminat. Jadi, apakah Kerajaan Pusat tidak akan memberi sebarang grant kepada projek ini?

Yang keduanya, apabila dijalankan projek monorel ini tidakkah ianya akan menjejaskan pendapatan pemandu teksi, bas mini dan juga sistem pengangkutan yang lain?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ia adalah projek penswastan maka tidak ada grant yang diberi oleh Kerajaan. Kita berdepan dengan dilema kesesakan lalulintas. Oleh kerana keadaan kesesakan lalulintas begitu kritikal, maka satu solution mesti dibuat iaitu pengangkutan awam yang berbentuk moden seperti monorel ini akan dilaksanakan. Di dalam pelaksanaan projek pengangkutan awam moden seperti monorel ini tentulah sedikit sebanyak menjejaskan sama ada pengangkutan menerusi teksi ataupun bas. Seperti yang saya sebutkan bahawa penyelesaian terhadap kesesakan lalulintas Kuala Lumpur adalah diberi keutamaan supaya bukan hanya kita dapat menyelesaikan masalah lalulintas tetapi kecepatan urusan sama ada pihak Kerajaan atau awam dapat dipertingkatkan.

SKYHAWK - PENJUALAN

2. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa banyak lagikah Jet TUDM yang masih belum dijual dan masih tersadai di luar negara; dan
- (b) jika sudah dijual, kepada negara mana dan berapa nilai jumlahnya.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sebanyak 35 buah kapal terbang jenis Skyhawk daripada 88 buah yang dibeli oleh Kerajaan untuk TUDM masih lagi berada di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah tersadai sepertimana yang didakwa tetapi ianya disimpan di sebuah kawasan penyeteran khas kapal terbang di Arizona. Pada masa ini pihak AIROD masih lagi berusaha untuk mencari pembeli.

AIDS - PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN

3. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sudahkah sampai ke tahap merbahaya ancaman AIDS di negara ini;
- (b) berapa ramaikah bilangan rakyat Malaysia dilaporkan;
 - (i) pengidap penyakit AIDS; dan
 - (ii) pembawa kuman penyakit AIDS.
- (c) apakah strategi Kerajaan dalam usaha untuk mendidik masyarakat bagi menjauhkan ancaman wabak ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menjamin kejadian di Hospital Universiti mengenai kecuaiannya menjalankan proses pemindahan darah yang mengandungi AIDS tidak berulang lagi.

4. **Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan usaha-usaha positif untuk mencegah merebak penyakit AIDS di kalangan rakyat Malaysia yang majoriti hidup berpegangan kepada agama masing-masing dan apakah kejayaannya memuaskan pihak Kementerian.

11. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pengidap penyakit AIDS yang telah dikenalpasti selama ini dan berapa jumlah yang telah meninggal dunia; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif yang sedang dan akan dijalankan untuk mencegah merebaknya AIDS di negara ini.

18. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memaklumkan kepada doktor-doktor di klinik-klinik swasta mengenai cara-cara dan tujuan untuk mencegah dan pengawalan penyakit AIDS.

17.12.91

5. **Datuk Tan Gim Hua** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV yang ialah dilaporkan sehingga bulan November 1991. Sila berikan angka-angka untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi mengawal penyebaran AIDS.

25. **Puan Ainon binti Ariffin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada penyakit AIDS yang sedang merebak di Malaysia boleh dihapuskan dan jika tidak apakah sebab-sebab yang AIDS terus membiak di kalangan rakyat negara ini.

46. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membina hospital mata di Pulau Langkawi yang dikendalikan oleh pakar Soviet. Sekiranya ada bilakah pembinaannya akan bermula; dan
- (b) berapakah jumlah pesakit AIDS yang dikesan di dalam negara. Adakah Kerajaan bercadang menempatkan pesakit-pesakit AIDS di tempat khas seperti di sebuah pulau.

18.12.91

15. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) setakat sekarang jumlah pesakit yang pergi ke luar negeri untuk operasi pemindahan buah pinggang dan jumlah pesakit itu yang pulang telah dikesan menghidapi HIV; dan
- (b) bagaimana Kerajaan membantu bakal-bakal pesakit yang akan ke luar negeri untuk operasi tentang risiko penyakit AIDS.

17. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit AIDS di negara pada masa ini mengikut jantina; dan
- (b) sila beri sebab-sebab pesakit itu menghidapi penyakit AIDS dan bagaimana caranya untuk mencegah penyakit itu kepada orang awam.

52. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa selepas mengambil kira pertimbangan iaitu penyakit "Human Immunodeficiency Virus (HIV), virus HIV boleh dengan senangnya ditransmissi, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian yang bertindak dengan badan-badan Kerajaan lain berkaitan banduan-banduan yang diketahui adalah pembawa-pembawa penyakit "Human Immunodeficiency Virus" virus HIV selepas mereka dibebaskan daripada penjara.

19.12.91

7. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) setakat sekarang jumlah mangsa-mangsa AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) dan pembawa HIV

yang telah dikenalpasti dalam Malaysia dan bilangannya yang telah mati;

- (b) jumlah penuntut-penuntut yang mnenghidap penyakit AIDS semasa mereka berada di luar negeri; dan
- (c) strategi yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan bakal-bakal penuntut yang akan ke luar negeri tentang risiko AIDS.

46. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Kesihatan menyatakan bolehkah Kementerian menimbang untuk mengadakan suatu Unit Khas di hospital-hospital seperti yang sedang dibuat dalam kes-kes Batuk Kering (Tuberculosis) dan Kusta (Leprosy) bagi pesakit-pesakit yang dijangkiti dengan AIDS.

20.12.91

28. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa berikutan dengan kejadian di Hospital Universiti di mana seorang pesakit berumur 65 tahun telah diberikan darah yang dicemari oleh kuman HIV dan menyebabkan AIDS:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah supaya semua pegawai perubatan menjalani pemeriksaan sebelum mereka menjalankan tugas bagi memastikan sama ada ada antara pegawai perubatan itu dijangkiti dengan kuman AIDS; dan
- (b) sama ada terdapat sebarang kecacatan dalam peraturan pemeriksaan darah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil.

23.12.91

20. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah berkesan yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan AIDS tidak merebak melalui kegiatan pelacuran; dan
- (b) adakah cadangan Kementerian mendaftarkan orang-orang yang dikenalpasti menjalankan kegiatan yang buruk itu.

24.12.91

17. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Kesihatan menyatakan peratusan mangsa yang menghidap AIDS iaitu Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit makin meningkat di negara kita. Apakah strategi-strategi baru untuk jangkamasa pendek/panjang yang Kementeriannya ingin merancang untuk dilaksanakan bagi benar-benar mengawal/membendung penyakit di negara kita.

43. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah cadangan untuk mengadakan maklumat tentang penyakit AIDS kepada kaum-kaum di luar bandar yang masih tidak sedar akibat penyakit ini; dan
- (b) adakah benar nyamuk merupakan satu agen yang boleh pindah kuman AIDS dari seorang ke seorang lain.

26.12.91

53. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah dan berapakah kakilangan Kerajaan yang terlibat dalam kes penyakit AIDS; dan

- (b) jikalau jawapan 'ada', dari mana satu Kementerian mereka datang.

27.12.91

44. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes AIDS mengikut negeri sejak bulan Januari 1990 sehingga 30hb. November 1991; dan
- (b) tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk mencegah AIDS yang merebak di negara ini.

47. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kasihalan menubuhkan satu unit khas untuk mencegah AIDS memandangkan AIDS telah mendahului sakit jantung menjadi pembunuh yang pertama di negara ini.

30.12.97

4. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kesihatan menyatakan di manakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan Pusat Pemulihan AIDS. Apakah ada tentangan terhadap rancangan ini di Kampong Melaka, Serendah kerana berdekatan dengan kampong Orang Asli.

29. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah pesakit AIDS hingga kini:

- (a) berapakah yang meninggal dunia; dan
- (b) adakah kempen-kempen mencegah AIDS diadakan di seluruh negara kepada masyarakat umum dan kepada sasaran tertentu seperti pelajar-pelajar dan golongan belia, serta golongan-golongan berisiko tinggi.

31.12.91

4. **Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil terhadap pembawa HIV agar dalam jangka panjang dapat dielakkan terdapatnya lebih ramai pesakit-pesakit AIDS di negara ini, sertakan:

- (a) adakah suatu sistem amaran awal (early warning system) diwujudkan bagi membanteras bertambahnya AIDS;
- (b) adakah hasrat untuk mewujudkan pusat pesakit AIDS sebagaimana Pusat Pemulihan Kusta di Sungai Buluh; dan
- (c) sejauh ini berapakah perbelanjaan yang terlibat untuk mengubati HIV dan AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan' Mohamed Farid bin Ariffin):

Tuan yang di-Pertua, pada sidang Mesyuarat Dewan Negara kali terdapat 24 soalan mengenai penyakit AIDS yang telahpun dikemukakan. Ini termasuklah 4 soalan bermula dengan soalan No. 3 pada hari ini dan 20 soalan lagi pada hari esok 17hb. Disember hingga 31hb. Disember. Oleh yang demikian, saya ingin meminta izin untuk menjawab semua pertanyaan tersebut secara sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, AIDS adalah satu penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman virus yang dipanggil Human Immunodeficiency Virus (HIV). Ia boleh dijangkiti melalui tiga cara utama iaitu:

- (1) melalui hubungan seks dengan seseorang yang telahpun di-

jangkiti oleh HIV, lelaki atau perempuan, homoseksual ataupun hektroseksual;

- (2) melalui darah yang dicemari oleh HIV; dan
- (3) dari ibu yang telahpun dijangkiti oleh HIV kepada bayinya semasa kandungan, ketika atau selepas melahirkan kandungannya dan mungkin susu ibu dan kemungkinan jangkitan melalui susu ibu ini kepada anaknya amatlah kecil.

Walau bagaimanapun, AIDS tidak boleh merebak melalui hubungan biasa seperti duduk bersama, bersalaman ataupun melalui gigitan serangga khususnya nyamuk. Jika sekiranya nyamuk menjadi salah satu daripada unsur jangkitan, bayangkanlah bagaimana manusia hari ini di Kuala Lumpur terutamanya terpaksa berjalan ke sana ke sini memakai kelambu.

Sejak kes AIDS pertama dikesan pada 19hb. Disember 1986, sejumlah 34 kes AIDS telahpun dikesan sehingga 15hb November 1991, 29 orang daripada mereka telahpun meninggal dunia. Dalam tempoh yang sama Kementerian Kesihatan juga telahpun mengesan 2,189 pembawa HIV, Kebanyakan kes AIDS ini dan pembawa HIV adalah lelaki iaitu 96.6% yang datang dari berbagai-bagai profesion termasuk kakitangan Kerajaan dan juga pelajar, daripada jutawan hingga ke penganggur.

Satu kes AIDS dan 94 pembawa HIV adalah warganegara asing. Mereka dikesan di semua negeri, kecuali negeri Sabah. Punca utama merebak AIDS di negara kita ialah melalui penagihan dadah yang berkongsi jarum suntikan dan melalui hubungan seks, hektroseksual ataupun homoseksual. Jumlah yang dikesan ini termasuk 4 pesakit yang menerima pemindahan buah pinggang diluar negara. Mengikut maklumat yang ada di Kementerian

Kesihatan, setakat ini 91 orang telahpun pergi ke luar negara untuk menerima rawatan pemindahan buah pinggang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius ancaman AIDS di negara ini walaupun bilangan kes yang membawa penyakit ini jauh lebih kecil daripada negara-negara lain. Ini adalah kerana tidak ada ubat ataupun vaksin yang berkesan bagi penyakit ini dan cara merebak tertumpu kepada tabiat dan gaya hidup seseorang individu. Dengan itu, AIDS tidak mungkin boleh dihapuskan tetapi kita boleh membendung ancaman penyakit ini sekiranya kita bersama-sama mengambil langkah untuk mencegahnya dan hanya dengan kerjasama setiap individu masyarakat, maka kita dapat menjamin kesihatan rakyat bagi menjayakan Wawasan 2020. Impak penyakit ini bukan sahaja kepada kesihatan umum, tetapi juga ke atas sosial dan juga ekonomi negara jika tidak dikawal.

Untuk mengawal, mencegah dan membendung ancaman merebaknya penyakit ini, Kementerian Kesihatan telah dan sedang mengambil beberapa langkah positif semenjak tahun 1985 lagi. Strategi dan langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) memberi makluman dan pendidikan kesihatan yang secukupnya kepada orang ramai termasuk di luar bandar, kakitangan perubatan dan kesihatan dan kumpulan sasaran yang tertentu seperti mereka yang dijangkiti HIV, penuntut-penuntut sekolah dan mereka yang berisiko tinggi. Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberi ceramah-ceramah kepada penuntut-penuntut dan guru-guru. Kementerian juga telahpun mengedarkan risalah dan

- mengeluarkan kenyataan akhbar mengenai bahaya pemindahan darah ataupun pembedahan di negara-negara yang tidak ada kemudahan ujian saringan;
- (ii) memastikan semua darah yang digunakan adalah selamat. Ini dilakukan dengan beberapa langkah, termasuk menubuhkan 49 buah pusat saringan darah di seluruh negara untuk menjalankan ujian saringan ke atas semua darah yang diderma;
- (iii) hanya menggunakan hasil-hasil darah (blood product) yang dirawat dengan bahang panas (heat-treated) sahaja;
- (iv) pengawalan melalui undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;
- (v) membentuk satu pasukan petugas AIDS dan lain-lain jawatankuasa kerja untuk menasihati Kementerian Kesihatan mengenai dasar-dasari dan perancangan strategi untuk pencegahan dan pengawalan penyakit AIDS;
- (vi) mengedarkan pelan tindakan perubatan dan kawalan AIDS untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan diseluruh negara;
- (vii) memberi khidmat rawatan perubatan, termasuk kaunseling perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti oleh kuman HIV serta menyasat susulan untuk menentukan punca jangkitan dan juga konteks pesakit. Khidmat rawatan ini diintegrasikan ke dalam perkhidmatan perubatan yang sedia ada, oleh itu adalah sukar untuk menentukan kos perbelanjaan rawatan pesakit AIDS;
- (viii) menjalankan pengawalan ujian darah untuk jangkitan virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi, terutamanya penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan dan pelacur-pelacur. Program pengawalan ini meliputi pusat-pusat pemulihan seperti penjara, rawatan dan juga pemulihan dadah, Taman Sri Puteri dan hospital, klinik Kerajaan serta swasta;
- (ix) menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan yang berkaitan, khususnya mengenai penyakit AIDS. Sehingga bulan Oktober 1991, lebih 16,000 kakitangan perubatan dan kesihatan telahpun diberi latihan mengenai AIDS;
- (x) bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan dan badan-badan sukarela untuk pendidikan kesihatan; dan
- (xi) mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman mengenai penyakit AIDS dengan negara-negara jiran dan WHO.
- Selain daripada langkah-langkah yang telahpun dan sedang diambil ini, Kementerian Kesihatan juga sedang menimbang lain-lain langkah baru. Di antaranya adalah seperti berikut:
- (i) melipatgandakan aktiviti pendidikan kesihatan dengan penglibatan semua agensi Kerajaan, pihak swasta, pertubuhan sukarela (NGOs) dan juga seluruh masyarakat. Taklimat dan ceramah-ceramah kepada orang ramai, termasuk mereka yang di

luar bandar dan kumpulan-kumpulan tertentu seperti penuntut-penuntut sekolah akan dipertingkatkan lagi;

- (ii) memeriksa pelacur-pelacur dari masa ke semasa untuk mengesan dan mengubati penyakit kelamin dalam usaha mengawal penularan penyakit AIDS melalui kegiatan ini;
- (iii) memperkukuhkan organisasi program mencegah dan kawalan penyakit AIDS dengan menambah kakitangan yang terlatih untuk program pencegahan dan kawalan penyakit AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan bekalan darah dan ekoran insiden yang berlaku di Hospital Universiti baru-baru ini, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil beberapa langkah tambahan. Di antara langkah-langkah ini ialah mengedar satu pekeliling untuk memperketatkan lagi prosedur perindahan darah dan meninggalkan lagi latihan untuk doktor-doktor dalam bidang ini. Selain daripada darah yang dibekalkan oleh Tabung Darah, pesakit boleh menerima darah daripada penderma pilihannya sendiri dengan syarat darah itu di dapati sesuai bagi pesakit dan bebas daripada apa-apa pencemaran. Ujian perlu dibuat terlebih dahulu oleh pihak Tabung Darah mengikut peraturan yang telahpun ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memaksa sesiapa, termasuk pegawai perubatan untuk menjalani ujian darah untuk AIDS. Dasar yang ada sekarang ialah dasar sukarela. Mereka yang disahkan positif terhadap kuman HIV juga tidak diperlukan diberi apa-apa kad secara routine, tetapi akan diberi surat rujukan, iaitu rujukan perubatan apabila mereka ingin mendapatkan rawatan daripada lain-lain doktor seperti yang diamalkan dengan lain-lain penyakit.

Mengenai pengawasan terhadap banduan-banduan penjara, sejumlah 491 banduan telahpun disahkan dijangkit HIV. Kementerian Kesihatan telahpun mempunyai sistem pemberitahuan dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk memastikan apabila mereka dibebaskan supaya rawatan susulan dan kaunseling perubatan diteruskan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan belum ada cadangan untuk mendirikan hospital khas ataupun tempat pengasingan untuk pesakit AIDS atau pembawa HIV. Tujuan utama Kerajaan dalam pendidikan dan kesihatan mengenai AIDS ialah untuk mempengaruhi setiap individu, masyarakat dan orang awam supaya menghindari diri daripada tingkahlaku dan gaya hidup yang boleh mendedahkan diri mereka kepada jangkitan AIDS. Ini dapat dilakukan dengan menghadkan hubungan seks dengan seseorang pasangan sahaja, seperti suami-isteri yang halal. Walau bagaimanapun, jika mengadakan hubungan seks dengan seseorang yang taraf kesihatannya tidak diketahui, maka penggunaan kondom dapat mengurangkan risiko jangkitan HIV. Selain daripada itu, mereka yang menagih dadah perlulah memberhentikan amalan berkongsi jarum suntikan dengan serta-merta. Mereka yang terjebak dalam penagihan dadah perlulah mendapat pertolongan dan rawatan,

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru semua agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, pihak swasta, orang perseorangan, keluarga-keluarga mereka, seluruh masyarakat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat, supaya bekerjasama untuk membendung penyakit ini daripada merebak.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan....

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya telah menjawab berpuluh-puluh soalan, saya fikir tak payah.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang saya ingat perlu dimaklumkan di Dewan ini,

Tuan Yang di-Pertua: Maka saya hadkan dua soalan tambahan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesihatan khususnya kepada Timbalan Menteri yang dikasihi yang memang terkenal sangat berinisiatif dalam sebarang hal khususnya mengenai AIDS, maksudnya mengenai penjagaan, pengawasan dan juga yang berkaitan dengan pencegahan AIDS.

Saya tadi tertarik mendengar mengenai beberapa langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Yang Berhormat termasuk memberikan taklimat, ceramah dan pendekatan kepada orang ramai dan juga NGOs. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sahabat saya bahawa dari segi ini masih ada kelemahan berlaku? Contoh, .PEMADAM Kebangsaan melalui Biro Hal Ehwal Wanitanya, di mana saya Pengerusinya telah mengadakan satu seminar khas seramai 500 orang perwakilan Wanita dari seluruh Malaysia yang mewakili NGOs. Dua minggu sebelumnya kami telah memohon jasa baik dari pihak hospital bahagian berkenaan, penceramah atau pembentang kertaskerja kerana perkara AIDS bukan semua orang boleh bercakap. Maka, jawapan awal kami menerima begitu baik, last minute kami diberilahu tiada penceramah yang boleh hadir kerana "busy". Maka kami terpaksa bertungkus-lumus mencari seorang pakar lain menggantikan tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan tambahan Yang Berhormat?

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan saya sudah saya nyatakan tadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari perlaksanaan kepada kempennya untuk orang ramai dan NGOs masih belum berjalan dengan licin? Itu soalnya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar akhir-akhir ini terlalu banyak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, terlalu banyak permohonan-permohonan untuk penceramah-penceramah daripada Kementerian untuk menghadiri banyak seminar dan kursus-kursus demikian, kadangkala kalau sekiranya Yang Berhormat bertimbang rasa, mereka letih-lesu. Terpaksa kadang-kadang Timbalan Menteri pun campur sama untuk memberi ceramah sedikit sebanyak. Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa kita perlu mempertingkatkan lagi dan jika sekiranya Yang Berhormat bercadang untuk membual yang kedua, insya Allah, saya akan cuba mencari seorang penceramah yang terbaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir sekali, bukan ucapan ya, soalan tambahan. Puan Law Jack Yoon.

Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan mengenai (b) (ii). Saya hendak tanya sedikit, apakah perbezaan di antara pembawa kuman penyakit AIDS dan pembawa kuman HIV? Itu yang pertama. Yang kedua, apakah tanda-tanda yang dialami seielah seorang mengidap kuman HIV? yang ketiga....

Tuan Yang di-Pertua: Yang ketiga?

Law Jack Yoon: . . . selain daripada badan-badan agama, ibu bapa dan pendidik, golongan apakah yang ada pengaruh kuat kepada belia-belia dan bagaimana Kerajaan, melibatkan golongan-golongan itu dalam usaha mencegah ancaman AIDS ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalnya lebih daripada dua. Pertamanya mengenai perbezaan. Pertama, pembawa HIV ialah seseorang yang telah dijangkiti kuman virus Human Immunodeficiency Virus tadi, dia hanya pembawa-maknanya dalam badannya ada virus tersebut seperti juga virus-virus lain; dan dia boleh menjadi seorang pembawa yang sihat. Mengikut siasatan yang telahpun kita dapati, seseorang pembawa boleh terus tidak menunjukkan apa-apa tanda pun dalam masa sembilan ataupun sepuluh tahun dia tidak pergi menjalankan screening darahnya, berkemungkinan sepuluh tahun itu dia boleh membawa penyakit itu berjangkit kepada orang lain tanpa pengetahuan orang yang terkena tersebut. Oleh kerana itulah kita meminta jika sekiranya kita mempunyai pandangan terbuka supaya kita pergi secara sukarela untuk mengadakan saringan darah kita di 49 pusat yang telahpun Kerajaan sediakan, ataupun di pusat-pusat swasta.

Apabila seseorang itu sudahpun mula dijangkiti virus ini, kalau sekiranya immune systemnya itu dikurangkan, maka sebarang penyakit yang mungkin boleh menyebabkan kita ini berjangkit boleh terkena kepada seseorang itu, Bermaknanya di sini kalau sekiranya defence system kita itu tidak boleh bekerja, maka semua peluru-peluru yang masuk ke badan kita, iaitu penyakit-penyakit boleh terkena kepada seseorang itu termasuk "Kaposi's sarcoma" termasuk kalau sekiranya berat badan itu surut lebih daripada 10% dengan cepat.

Mungkin tanda-tanda ini banyak yang boleh saya perturunkan satu persatu, tetapi saya telah menjawabnya secara panjang lebar kepada Yang Berhormat dan insya Allah kalau sekiranya Yang Berhormat mahu maklumat yang lebih lanjut, saya boleh menghantarnya secara bertulis.

Yang ketiga, kita sekarang ini telahpun cuba menggunakan what we call the peer group influence, dengan izin. Insya Allah melalui belia dan juga badan-badan sukarela mungkin kita akan dapat menjelajahi masuk dalam ke kumpulan-kumpulan tertentu termasuk kumpulan-kumpulan penagihan dadah untuk memberi pendidikan tersebut.

SOALAN No. 4

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohammad.

Tuan Haji Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 4, lebih kurang sama dengan soalan No. 3 dan yang lain-lain itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sudahpun dijawab.

RIMBA TAKWA

5. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah fungsi-fungsi "Rimba Takwa". Bagaimanakah ianya dapat memberi manfaat kepada pelawat-pelawat ke situ. Siapakah yang membiayai projek "Rimba Takwa" dan berapakah kosnya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, "Rimba Takwa" adalah merupakan beberapa buah kawasan yang akan dibangunkan di Taman

Pertanian Malaysia yang mengandungi ungkapan yang dipetik daripada Al-Quran, Hadis dan pendapat-pendapat daripada pujangga, filosofi dan ahli-ahli bijak pandai yang terkenal. Ungkapan-ungkapan ini dipaparkan di dalam bentuk papan kenyataan, batu bersurat, ruang pameran, kesan bunyi, seni bina atau lain-lain bentuk yang difikirkan sesuai dan munasabah.

Rimba Takwa diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan keagamaan kepada pelawat-pelawat taman secara spontan dan tidak langsung. Dengan cara ini adalah diharap pelawat-pelawat dapat diserapkan dengan nilai mulia dan murni dan bertakwa kepada Tuhan semesta alam, sambil mereka mengadakan lawatan di Taman.

Projek ini dicadangkan dibiayai secara tajaan oleh pihak swasta, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan individu, sementara pelaksanaannya dibuat oleh Kementerian Pertanian.

Setakat ini pihak Lembaga Tabung Haji telah menyatakan minatnya untuk membiayai sebuah kawasan "Rimba Takwa". Kos projek ini bergantung kepada skop diminati oleh mereka yang ingin membiayainya. Walau bagaimanapun bagi mengadakan sebuah "Rimba Takwa" yang sederhana dari segi saiz dan bentuk dianggarkan peruntukan sebanyak \$45,000 hingga \$50,000 adalah diperlukan.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987- MEMINDA SEKSYEN 41

6. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa menurut Timbalan Menteri Datin Paduka Hajah Zaleha Ismail, negara kita mencatat kadar kemalangan agak tinggi berbanding beberapa negara lain. Menurut beliau, pada 1986 kadar kematian akibat kemalangan jalan raya bagi setiap 10,000 kenderaan

ialah 7.9% berbanding 1.87% bagi Jepun, 2.31% United Kingdom, 2.98% Australia dan 5.54% Thailand. Nescaya peratusan kadar kematian untuk tahun ini akan meningkat bagi mengikut laporan akhbar pada setiap hari. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah berusaha untuk melahirkan golongan pemandu yang lebih bertimbangrasi, bersopan, berdisiplin dan sentiasa mengutamakan keselamatan melalui beberapa langkah yang tertentu. Malangnya, usaha Kerajaan itu belum mencapai satu tahap yang memuaskan atau mengalakkan kerana kadar kematian akibat kemalangan jalanraya masih tinggi dan kekal di paras yang tinggi. Sebagai satu langkah lagi untuk membendung perkara ini, adakah Kementeriannya bercadang untuk menambah/meminda Seksyen 41 Rang Undang-undang Lalulintas Jalan 1987 Akta 333 seperti berikut:

- (a) pergantungan mandatory lesen pemandu selama lima (5) tahun mulai dari tarikh kemalangan itu berlaku;
- (b) denda mandatory lesen pemandu sebanyak tidak kurang daripada \$20,000 untuk dibayar khas kepada keluarga si mangsa; dan
- (c) setiap kes kemalangan yang membawa maut MESTI dibicarakan dalam tempoh enam bulan mulai dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tempoh penggantungan mandatory lesen pemandu sekarang yang disabitkan di bawah seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah tidak kurang daripada 12 bulan. Walau bagaimanapun, mahkamah mempunyai kuasa untuk memberikan satu tempoh yang lebih panjang daripada 12 bulan bagi kes-kes

tertentu. Oleh kerana hukuman yang sedia ada adalah memadai, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda tempoh penggantungan lesen memandu bagi kesalahan di bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada 5 tahun seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

- (b) Mereka yang bersalah boleh didenda sehingga \$10,000 di bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan tersebut atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun, Keluarga mangsa bolehlah mengambil kes sivil terhadap orang yang menyebabkan kemalangan dan tuntutan akan dibayar oleh pihak insurans di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Denda-denda yang boleh dikenakan di bawah seksyen ini adalah dianggap memadai.
- (c) Mengenai cadangan supaya sesebuah kes kemalangan yang membawa maut itu dibicarakan dalam tempoh 6 bulan atau lebihnya dari tarikh kemalangan itu berlaku, ingin saya memaklumkan Dewan ini bahawa ianya adalah bergantung kepada kemampuan atau beban kerja mahkamah. Tempoh seperti yang dicadangkan tersebut tidak wajar ditetapkan dalam Akta Pengangkutan Jalan.

AJARAN SESAT - TINDAKAN

7. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan susulan yang telah dan akan diambil terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat supaya Malaysia bersih dari amalan-amalan yang merosakkan aqidah umat Islam khususnya generasi muda.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui pelbagai Kementerian dan Jabatan mengikut bidang kuasa masing-masing sentiasa mengawasi dan mengambil tindakan terhadap pengikut-pengikut ajaran sesat yang terdapat di negara ini. Tindakan diambil berdasarkan kepada sejauh mana ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ajaran sesat tersebut. Kebiasaannya bagi kumpulan-kumpulan yang menimbulkan ancaman disudut aqidah, syariah dan perpaduan ummah tindakan diambil berdasarkan peruntukan Enakmen-enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri setelah penyelewengan ajaran tersebut difatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Manakala bagi ajaran yang menimbulkan ancaman di sudut ketenteraman awam dan keselamatan negara tindakan akan diambil berdasarkan undang-undang Persekutuan.

Antara tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap pengikut-pengikut ajaran tersebut ialah:

- (a) mengenakan tindakan undang-undang ke atas mereka dan guru-guru mereka;
- (b) dipencilkan ke satu tempat yang terasing seperti yang telah dilakukan kepada pembawa ajaran Raup Kuar;
- (c) meneruskan usaha kaunseling dan pemulihan ke atas mereka sebagaimana yang pernah dilakukan kepada pengikut-pengikut ajaran Abdullah Sani @ Kamaruddin yang terlibat dalam insiden memecah kuil di Kerling. Dalam konteks ini, Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri bercadang menubuhkan sebuah unit khas untuk memulihkan para pembawa dan pengikut ajaran sesat; dan

(d) berusaha mengembalikan mereka kepada masyarakat awam melalui Program Kursus Kesedaran dan Perpaduan Umat Islam yang dianjurkan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri serta dibantu oleh agensi-agensi Persekutuan yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Pernah diperkatakan dalam negara kita, di dalam perkara ajaran sesat ini bahawa politik Parti PAS ini ada banyak kadangkala terdapat mengajar benda-benda yang sesat. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada benar atau tidak?

Yang kedua, kalaulah benar, Parti PAS tidak terlibat di dalam ajaran sesat ini, apakah sumbangan parti-parti politik termasuk PAS bagi menghapuskan ajaran sesat yang dimaksudkan?

Yang ketiga, berapa jumlah ajaran sesat yang ada terdapat dalam negara kita?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dakwaan-dakwaan yang mengatakan Parti Islam SeMalaysia (PAS) ini yang menimbulkan ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam. Contoh yang disebutkan oleh calon PAS Bayu misalnya, yang mengatakan siapa yang tidak menyokong PAS samalah dia tidak menyokong Islam. Misalnya satu ucapan Presiden PAS di Kampung Bukit Raya, Pendang mengalakan siapa yang tidak menyokong PAS terkeluar dari harakah Islam. Maka ini adalah

merupakan bahawa kepada masyarakat Islam kerana kita mewajibkan perkara yang tidak diwajibkan oleh Allah s.w.t

Kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan satu Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: Orang-orang yang mewajibkan sesuatu perkara baru di dalam Islam, (suatu perkara baru yang diwajibkan oleh dalam Islam disebutkan sebagai "Bidaah dholalah") yang mana setiap "Bidaah dholalah" itu hukumnya ialah neraka. Jadi dengan itu saya hendak menasihatkan melalui Dewan yang mulia ini kepada masyarakat sekalian supaya kita menambahkan ilmu pengetahuan kita, supaya kita dapat membezakan di antara yang benar dan tidak benar, di antara yang sesai dan tidak sesat.

Soalan yang kedua, mengatakan bagaimana parti-parti politik sudah pastilah bagi pihak Kerajaan, kita berkehendakkan kepada semua ahli masyarakat untuk memainkan peranan terhadap masyarakat bagi menjelaskan perkara-perkara yang menyeleweng daripada aqidah Islam supaya ianya dibetulkan. Jadi bagi mereka yang berilmu, mereka sudah pasti boleh memainkan peranan bagi menjalankan kegiatan ini tidak kira parti sama ada parti Kerajaan ataupun parti bukan Kerajaan asalkan mereka itu benar-benar ikhlas untuk menentukan bahawa masyarakat Islam mengamalkan Islam yang stbenar-btarnya, Islam yang diturunkan oleh Allah s.w.t.

Yang ketiganya, jumlah ajaran sesat yang telah difatwakan sesal oleh Kerajaan ialah sebanyak 38 dan jumlah ajaran sesat keseluruhannya, yang masih dikaji ialah 70.

ATAP ZINK DAN ASBESTOS-PENGGUNAAN

8. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Perumahan dan

Kerajaan Tempatan menyatakan iaitu berhubung dengan penggunaan atap zink dan asbestos oleh rakyat di negara ini:

- (a) mengikut satu kajian atap zink dan asbestos ini sangat besar bahayanya, iaitu mendatangkan penyakit barah. Jika, betul apakah tindakan pihak Kerajaan dalam masalah ini; dan
- (b) apakah jenis atap rumah yang Kerajaan telah kenalpasti, untuk dikemukakan kepada pihak pemaju-pemaju perumahan di negara ini khasnya dan orang ramai amnya yang dijamin tidak ada risiko kepada pengguna-penggunanya di masa yang akan datang kelak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, mohon perbetulan, Menteri Kesihatan tukar kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari kajian-kajian yang ditemui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah didapati penggunaan atap zink dan asbestos mempunyai risiko yang amat rendah kepada penghuni rumah. Oleh itu belum limbud keperluan mengambil tindakan ke atas bahan ini dalam industri perumahan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat ada menemui kajian yang sebaliknya, saya berbesar hati sekiranya satu salinan dapat dipanjangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diselidik lebih lanjut.

Mengenai jenis atap rumah yang boleh digunakan selain dari jenis zink dan asbestos ada beberapa pilihan, ini termasuklah atap genting, tanah liat dan konkrit, atap kepingan logam

seperti keluli dan aluminium dan juga kepingan simen yang bebas dari asbestos.

**LAWATAN MAHARAJA
AKIHITO DAN MAHARANI
MICHIKO**

9. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah yang didapati oleh Malaysia di atas lawatan Maharaja Akihito dan Maharani Michiko dari Jepun pada 30-9-1991 yang dikatakan menempa sejarah itu.

Timbalan Menteri Luar Negara (Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan): di-Pertua, di dalam sejarah Jepun lawatan tersebut merupakan lawatan pertama Maharaja Jepun ke negara Asia Tenggara. Dengan memasukkan Malaysia sebagai salah sebuah dari tiga buah negara di rantau ini di dalam rangka lawatan bersejarah tersebut menandakan perti mustahaknya Malaysia pada Jepun serta rasa hormat mereka ke atas negara kita.

Lawatan Di-Raja ini membuktikan bahawa hubungan baik di antara Malaysia dengan Jepun adalah berada di peringkat yang paling tinggi sekali.

Jepun merupakan salah sebuah rakan perdagangan dan pelaburan terpenting bagi Malaysia. Kita juga menerima faedah-faedah yang bernilai tinggi dibidang pendidikan dan teknologi hasil daripada hubungan yang baik. Oleh yang demikian kita berpendapat adalah mustahak kita mengekalkan persefahaman dan perasaan muhibbah dengan Jepun terutama di zaman pembangunan yang baru kini.

Sebagai hasil dari lawatan Maharaja/Maharani Jepun ini kita telah diberikan jaminan secara langsung oleh Maharaja Akihito sendiri bahawa Jepun berhasrat hidup di dalam suasana aman damai di rantau ini. Dalam hal ini Maharaja

Akihito menegaskan bahawa Kerajaan Jepun telah mengambil ketetapan untuk hidup sebagai negara yang cintakan keamanan dan tidak akan mengulang tindak-tanduknya semasa Perang Dunia Kedua dahulu. Berdasarkan kepada ketetapan baru ini Jepun telah berusaha sedaya-upaya sejak tamat Perang Dunia Kedua untuk menjalin tali persahabatan baru dengan negara-negara di Asia Tenggara.

OPERASI MENGSOLVAJ KAPAL HARAM

10. **Tuan Dol bin Dollah** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang berhubung dengan operasi mengsolvaj kapal-kapal karam di sekitar laut negara; dan
- (b) bilakah operasi membongkar (olvaj) bangkai kapal dagang Belanda bemama Azie di dasar laut Tanjung Tuan, Negeri Sembilan bermula dan bagaimanakah cara pembahagian harta karun yang akan terdapat dalam kapal itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu undang-undang berhubung dengan operasi mengsolvaj kapal-kapal karam di sekitar laut negara, kerana pada masa ini telahpun terdapat 3 Akta atau Ordinan yang berkaitan dengan isu kapal haram. Akta dan Ordinan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;
- (2) Akta Benda Purba 1976; dan

(3) Ordinan Benda Purba dan Harta Karun 1957.

- (b) Jabatan Laut Malaysia, bagi pihak Kerajaan Persekutuan telahpun menandatangani kontrak dengan sebuah syarikat tempatan bernama Zamozaz Sdn. Bhd. pada 15-5-91 bagi membuat kerja survey dan solvaj kapal karam haram bernama Azie di Tanjung Tuan, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kerja-kerja survey sedang dijalankan oleh syarikat tersebut sekarang.

Mengenai cara pembahagian harta karun ianya adalah seperti berikut:

- (i) jika nilainya kurang daripada US\$10 juta, 30% akan diperolehi oleh Kerajaan, manakala 70% akan diperolehi oleh syarikat;
- (ii) jika nilainya di antara US\$10 juta hingga US\$20 juta pembahagiannya ialah 40% Kerajaan Persekutuan dan 60% Syarikat; dan
- (iii) jika nilainya melebihi US\$20 juta pembahagiannya adalah berdasarkan sama rata iaitu 50% Kerajaan dan 50% syarikat.

SOALAN No. 11

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Syed Abdul Hamid Sagaff.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun diberi jawapan oleh Menteri berkenaan.

EAEC - PENUBUHAN

12. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sama ada cadangan penubuhan East Asia Economic Caucus

(EAEC) adalah salah satu perkara dibincangkan;

- (b) jika ya, apakah hasil yang telah tercapai dalam perbincangan tersebut;

21. Puan Hajah Habidah binti Jusoh minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat ini adalah EAEC (Penubuhan Forum Perundingan Ekonomi Asia Timur) berkesan dengan tindakan Amerika yang tidak setuju dengan penubuhan tersebut dan apakah tindakan kita selanjutnya sebagai penganjur anggota EAEC itu.

- (c) jika tidak, adakah EAEC ini tetap juga ditubuhkan walaupun pada akhirnya negeri Jepun dalam Republik Korea tidak ingin terlibat dalam penubuhan; dan
- (d) apakah perbezaan di antara Asia Pacific Economic Co-operation (APEC) dengan EAEC dari segi konsep dan peranan.

19-12-91

29. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada EAEG boleh membawa kemajuan ekonomi dan perdagangan bagi negara Malaysia dan negara-negara di rantau Asia Timur.

20-12-91

6. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perbezaan EAEG dan EAEC dan mengapa pendirian EAEG tidak dapat dikekalkan, adakah pertukaran ini disebabkan tekanan oleh Amerika Syarikat ke atas Jepun.

17-12-91

35. Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan

mutakhir dengan usaha Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) selepas cadangan EAEG menjadi kertas kerja Kumpulan Kerja EAEG.

30-12-91

6. Tuan Ghazali bin Haji Embong Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia setelah Korea dan Jepun menolak untuk menjadi ahli anggota EAEC setelah dipengaruhi oleh Amerika.

17-12-91

40. Tuan Shuib bin Endut Embong Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan perkembangan mutakhir tentang cadangan perundingan ekonomi Asia Timur. Adakah Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menubuhkan perundingan ekonomi ini sekalipun mendapat tentangan dari negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang dipertua, saya mohon izin memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh dan Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai pada hari ini 16-12-1991, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 19-12-1991, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong pada 20-12-1991, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pada 27-12-1991, Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Haji Embong pada 30-12-1991 dan Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut pada 31-12-1991 memandangkan bahawa perkara yang dibangkitkan semuanya berkaitan, dengan izin, East Asia Economic Group dan East Asia Economic Caucus.

Saya ingin memaklumkan bahawa semasa Mesyuarat Ke 23 Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 7 hingga 8 Oktober, 1991 ini di Kuala Lumpur, kata sepakat telah dicapai yang menggariskan pentingnya bagi ASEAN dan lain-lain ekonomi di Asia Timur untuk berunding secara tidak formal dalam satu forum atau, dengan izin, Caucus bagi membincangkan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan bersama berkaitan dengan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan. Dengan itu, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju untuk mengemukakan cadangan, dengan izin, East Asia Economic Caucus-EAEC bagi mendapat persetujuan Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan pada akhir Januari 1992 di Singapura.

Saya ingin memaklumkan bahawa pertukaran nama daripada, dengan izin, East Asia Economic Group kepada, dengan izin, East Asia Economic Caucus adalah bertujuan untuk menyangkal salah anggapan mengenai cadangan itu, khususnya dakwaan bahawa ianya akan merupakan kumpulan yang formal yang mempunyai struktur dan institusi tertentu dan yang dijangka akan berkembang sebagai satu blok perdagangan.

Tindakan lanjut untuk memberi penerangan mengenai EAEC kepada Jepun, Korea dan negara-negara lain di Asia Timur dijangka dilakukan di peringkat ASEAN setelah cadangan menubuhkan EAEC mendapat persetujuan Sidang Kemuncak ASEAN. Ini adalah dengan tujuan menangkis apa-apa salah pengertian mengenai EAEC dan untuk menyakinkan negara-negara Asia Timur termasuk Jepun dan Korea Selatan bahawa penyertaan di dalam EAEC akan memberi manfaat kepada rantau Asia Timur dan memberikan suara dan pengaruh yang lebih kukuh dalam usaha mengukuhkan sistem perdagangan bebas. Penerangan peringkat ASEAN juga akan

dilakukan bagi menjelaskan konsep EAEC di kalangan negara-negara bukan anggota, termasuk Amerika Syarikat.

Berhubung dengan soalan oleh Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai, saya ingin menjelaskan bahawa APEC terdiri daripada negara-negara di Asia Pasifik, manakala keanggotaan EAEC akan terdiri daripada negara-negara di Asia Timur. Tujuan EAEC adalah untuk membolehkan negara-negara di Asia Timur menyumbang pandangan dan tenaga pemikiran untuk menentukan sistem perdagangan pelbagai hala diperkukuhkan di samping menentang perkembangan-perkembangan yang akan menyekat perdagangan antarabangsa. APEC pula adalah usaha yang lebih luas yang akan, dengan izin, complement, apa yang dapat dicapai oleh EAEC pada peringkat Asia Timur. Walau bagaimanapun, jika diteliti dari segi keanggotaan, matlamat dan program APEC setakat ini tidak memberi tumpuan kepada Semenanjung Indo-China, manakala EAEC akan berusaha untuk menentukan integrasi ekonomi negara-negara Indo-China ke dalam sistem perdagangan bebas.

EAGLE AIRCRAFT AUSTRALIA LTD/ASSET ACCRETION SDN BHD - PROJEK USAHASAMA

Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan Malaysia mempunyai kepentingan dalam projek usahasama Eagle Industries Pte. Ltd. di Australia yang akan membina kapal terbang dan adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan industri tersebut di Malaysia pada masa akan datang.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia memang mempunyai

kepentingan dalam projek usahasama kapalterbang jenis ringan dengan sebuah syarikat di Australia, iaitu Eagle Aircraft Australia Ltd.

Projek usahasama ini adalah di antara Eagle Aircraft Australia Ltd. dan Asset Accretion Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh PETRONAS sebanyak 40% dan Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. sebanyak 60%. Syarikat Composite Technology Research Sdn. Bhd. adalah dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan atas nama Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Tuan Yang di-Pertua, dalam usahasama ini, Eagle Aircraft Australia Ltd. dan Asset Accretion Sdn., Bhd. masing-masing memegang ekuiti sebanyak 50% dalam sebuah syarikat pembuat kapalterbang jenis ringan di Australia, iaitu Composite Technology Propriety Lid.

Kerajaan memang bercadang untuk menempatkan projek pembuatan kapalterbang jenis ringan ini di Malaysia kelak. Namun demikian, bila dan di mana lokasinya belum lagi diputuskan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah kakitangan Kerajaan kita ada bersama bekerja dengan syarikat itu di Australia?

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan kita pada ketika ini adalah di peringkat Lembaga Pengarah. Sebenarnya syarikat di Australia itu adalah kepunyaan satu keluarga Graham namanya, dan penglibatan kita adalah di beberapa peringkat. Yang pertama, Lembaga Pengarah. Ada juga beberapa pegawai yang melawat di mana syarikat ini ditempatkan dari masa ke semasa bagi mengetahui perkembangan.

MAJLIS PEGUAM- PENGIKTIRAFAN KETUA HAKIM NEGARA

14. **Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai tindakan jangka panjang yang akan dilakukan supaya keengganan Majlis Peguam mengiktiraf Ketua Hakim Negara tidak berulang di masa akan datang serta:

- (a) apakah kaedah-kaedah yang akan diambil supaya kewibawaan Majlis Peguam tidak dipertikaikan sebagaimana yang berlaku sekarang; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang akan dilakukan bagi memastikan Majlis Peguam hanya ditadbir oleh peguam-peguam yang berjiwa Malaysia tulen yang mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan-kepentingan lain.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) dan (b) adalah dirangkumkan seperti berikut:

Soal pengiktirafan Ketua Hakim Negara oleh Majlis Peguam adalah tidak timbul kerana kuasa untuk perlantikan Ketua Hakim Negara adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Perkara 122B oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh itu, sebagai golongan yang tertakluk kepada undang-undang negara dan yang mengamalkan rule of law, maka semua pihak sama ada Majlis Peguam ataupun golongan lain mestilah patuh dan hormat kepada undang-undang.

Buat masa ini Kerajaan sedang mengkaji undang-undang untuk

meninjau sama ada perlu atau tidak dipinda Akta Profesion Undang-undang bagi menentukan Majlis Peguam akan menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab sebagaimana yang diperuntukan dalam undang-undang. Cadangan untuk meminta Akta ini juga adalah bertujuan untuk mengkaji apakah tindakan yang boleh diambil supaya Majlis Peguam memberikan penumpuan kepada apa yang sewajarnya untuk kepentingan ahli dan juga pembelaan kepada client mereka. Dengan ini mereka dapat menjalankan keadilan bagi kepentingan rakyat apabila mewakili rakyat di mahkamah.

GURU SANDARAN TANPA LATIHAN - LANTIKAN SEMULA

15. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Pendidikan bercadang melantik semula Guru Sandaran tanpa latihan yang berumur lebih dari 30 tahun untuk mengatasi kekurangan guru di SRJK(T) dan SRJK(C) memandangkan pengalaman mereka yang melebihi 8 tahun; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menyerapkan Guru-guru Sandaran tanpa latihan ini memasuki Maktab Perguruan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan On): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) perlantikan semula guru sandaran tanpa latihan ke sekolah-sekolah adalah bergantung kepada terdapatnya kekosongan di sekolah-sekolah yang berkenaan dan juga di atas permohonan yang

dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri.

- (b) bagi guru-guru sandaran tanpa latihan yang memenuhi beberapa syarat tertentu akan diberi keutamaan memasuki maktab perguruan.

JENAYAH PERDAGANGAN— JUMLAH KES

16. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes jenayah perdagangan yang lelah dapat dikesan:

- (a) berapa ramai profesional dari kalangan peguam yang terlibat;
- (b) berapa kes yang telah disabitkan kesalahannya dan jumlah kerugiannya sepanjang tahun 1990 dari Januari hingga September 1991; dan
- (c) apakah usaha untuk mengurangkan jenayah tersebut daripada terus berleluasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 1990 hingga September 1991 seramai 11 orang peguam terlibat dalam kes jenayah perdagangan.
- (b) Manakala dalam tahun yang sama terdapat sebanyak 1,569 kes telah disabitkan kesalahannya dan jumlah kerugian ialah sebanyak \$193.8 juta.
- (c) Beberapa strategi Kerajaan untuk membanteras jenayah

perdagangan adalah seperti berikut:

- (i) memperkukuhkan undang-undang yang berkait dengan kesalahan jenayah perdagangan seperti tipu, pecah amanah dan pemalsuan di bawah Kanun Keseksaan dan akta-akta lain seperti Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Dagangan Komoditi 1985 dan lain-lain;
- (ii) mempertingkatkan tahap penguatkuasaan dari segi kuantiti dan kualiti pegawai di Pasukan Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Bank Negara;
- (iii) pihak Polis telah menjalakan penyiasatan yang bersepadu, dengan izin, integrated approach dalam menjalankan penyiasatan iaitu koordinasi antara jabatan dan secara task force untuk mempercepat dan melicinkan tatacara penyiasatan;
- (iv) kempen-kempen mencegah melalui publisiti dan ceramah terus berjalan di kalangan badan profesional dan sektor swasta.

KEBAKARAN DI MUZIUM NEGARA - KERUGIAN

17. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) kerugian yang dialami akibat kebakaran yang berlaku di

Muzium Negara pada 19-9-91;

- (b) sebab-sebab kenapa langkah-langkah tertentu mencegah kebakaran tidak diambil memandangkan banyak khazanah bernilai tersimpan di Muzium itu; dan
- (c) apakah pengajaran yang diperolehi dari kebakaran itu bagi mencegah kejadian yang serupa berlaku pula pada bangunan-bangunan Kerajaan yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) secara kasar kerugian yang dialami dinilakan berjumlah \$1,970,000.
- (b) Langkah-langkah keselamatan memang telah sedia ada di bangunan Muzium Negara dan keberkesanannya tidak dapat dipersoalkan. Walau bagaimanapun, Muzium Negara perlu diperlengkapkan lagi dengan peralatan yang canggih supaya kejadian kebakaran seperti yang berlaku dapat dielakkan daripada berulang lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan Muzium Negara telahpun sebenarnya dilengkapi dengan peralatan pemadam api mudah-alih jenis karbon dioksida dan alat pengesan asap kebakaran yang diluluskan.

- (c) pengajaran diperolehi dari kebakaran tersebut adalah bangunan-bangunan Kerajaan yang menyimpan khazanah-khazanah negara yang tidak

ternilai perlulah diperlengkapkan dengan sistem pencegahan kebakaran dengan mengadakan peralatan-peralatan dan plan tindakan dari masa ke semasa berdasarkan kepada syor dan pandangan daripada pihak Pejabat Pengawal Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Bomba dan juga pihak-pihak lain yang berkenaan dan mengemaskinikan sistem pencegahan kebakaran seperti yang dipraktikkan di muzium-muzium yang terkenal di luar negara,

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa kebakaran itu berlaku, adakah barang-barang khazanah dari negara luar yang terdapat di dalam Muzium kita?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini, kebakaran yang berlaku sebenarnya ialah di bahagian kabin di mana bahan-bahan yang musnah dalam kebakaran tersebut hanyalah pita-pita rakaman muzik tradisional dan peralatan-peralatan lain yang disimpan di dalam kabin yang berlaku kebakaran tersebut. Jadi, tidaklah melibatkan artifact barang-barang muzium yang terlibat dalam kebakaran itu. Walau bagaimanapun, kebakaran ini menjadi lebih merugikan disebabkan oleh kerana ketika pihak Bomba ingin memadamkan api, pancutan air Bomba itu telah memasuki kawasan bahagian komputer dan inilah yang menyebabkan jumlah kerugian itu bertambah sedikit.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah barang-barang tersebut diinsuranskan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang

yang terlibat itu tidaklah diinsuranskan kerana ia hanyalah pita-pita yang merakamkan muzik-muzik tradisional dan bahagian kabin itu adalah merupakan bahagian sementara sahaja.

SOALAN NO. 18

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Vijayanathan.

Tuan K. Vijayanathan: Tuan Yang di-Pertua, soalan 18. Soalan ini saya ingat sudah dijawab oleh Menteri Kesihatan.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 - PINDAAN

19. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda Akta Kerajaan Tempatan bagi membenarkan Kerajaan Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengenakan cukai-cukai baru yang sesuai (selain dari cukai pintu dan cukai yang sedia ada) untuk menampung perbelanjaan sebuah Kerajaan Tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) semata-mata untuk tujuan menambahkan hasil Pihak Berkuasa Tempatan bagi menampung perbelanjaannya. Ini adalah kerana peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 adalah mencukupi bagi mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan untuk menambahkan hasil sama ada secara mengenakan cukai baru ataupun bayaran-bayaran lain di dalam kawasannya.

Selain daripada Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) juga memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan bayaran penggunaan ataupun user charge, dengan izin, kepada mana-mana pihak yang mendapat faedah daripada perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan. Ini juga bermakna Pihak Berkuasa Tempatan boleh menggunakan Akta ini bagi menambahkan pendapatannya.

RUMAH KOS RENDAH— PERBEZAAN

20. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) memandangkan kos tanah dan kos pembinaan berbeza di antara bandar dan luar bandar, mengapakah definisi \$25,000 untuk rumah kos murah tidak dibezakan antara dua lokaliti itu; dan
- (b) adakah benar bahawa pemaju-pemaju enggan membina unit-unit dan rumah-rumah kos rendah dalam bandar kerana terpaksa menanggung kerugian sekiranya kadar untuk unit atau rumah kos rendah lebih tinggi dari kadar unit-unit kos sederhana dan tinggi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) harga rumah kos rendah telah ditetapkan pada had maksimum 525,000 seunit untuk membanlu golongan sasaran yang berpendapatan \$750 sebulan dan ke bawah. Kumpulan ini terdapat di bandar dan juga di luar

bandar. Di kawasan bandar, pembinaan rumah kos rendah lebih menekankan pembinaan bertingkat untuk meningkatkan pemilikan rumah bagi golongan sasaran.

- (b) Adalah tidak dinafikan bahawa pemaju kurang berminat untuk membina rumah-rumah kos rendah di dalam bandar kerana pulangan keuntungan kepada mereka lebih kecil. Harga tanah yang mahal di bandar juga tidak ekonomik jika dibina rumah kos rendah sahaja. Oleh itu, untuk menggalakkan pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah, Kerajaan membenarkan pemaju membina rumah-rumah pangsa bagi menjimatkan penggunaan tanah di samping membenarkan pemaju melaksanakan projek perumahan secara pembangunan campuran atau mixed-development.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan lelah pun mensyaratkan supaya pemaju-pemaju perumahan mendirikan rumah-rumah kos rendah yang mampu dibeli oleh mereka yang berpendapatan \$750 ke bawah. Oleh sebab itu, kebanyakan pemaju mendirikan rumah harga tinggi dan oleh kerana ada syarat Kerajaan mereka juga mendirikan rumah harga rendah. Jadi, mereka yang berpendapatan sederhana antara \$750 ke \$2,000 umpamanya tidak ada peluang kerana tidak ada syarat yang di....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah soalan tambahannya?

Tuan Rahim bin Baba: Ya, adakah Kerajaan akan mensyaratkan supaya pemaju juga dikehendaki mendirikan rumah-rumah kos sederhana?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, apabila kila mengenakan had maksimum untuk \$25,000 seunit, sudah menjadi satu bebanan kepada pemaju-pemaju perumahan. Jadi, kalaulah Kerajaan pemaju juga mengenakan syarat supaya rumah-rumah kos, sederhana atau sederhana murah, maka sudah tentulah ianya menjadi satu bebanan lagi kepada pemaju-pemaju. Walau bagaimanapun, bagi kepentingan mereka yang berpendapatan dalam lingkungan \$750-\$2,000 sebulan, mereka mempunyai banyak pilihan, bukan sahaja boleh membeli rumah yang sederhana tetapi juga mempunyai kemampuan berurusan dengan bank bagi mendapatkan rumah-rumah yang lebih baik atau yang lebih selesa daripada \$25,000.

SOALAN NO. 21

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang akhir pada hari ini, Yang Berhormat Puan Hajah Habidah.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya No. 21 telah dijawab.

PENGIJRAHAN RAKYAT MALAYSIA KE CHINA

22. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang berhijrah ke negara China bermula dari tahun 1957 hingga sekarang; dan
- (b) berapa ramaikah yang berhasrat hendak kembali semula ke Malaysia dan berapa ramai yang telah diterima semula.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, bagi kedua-dua soalan (a) dan (b), Kementerian Dalam Negeri tidak ada menyimpan sebarang maklumat mengenai rakyat Malaysia yang berhijrah ke Republik Rakyat China dari tahun 1957 hingga sekarang dan bilangan mereka yang hendak kembali semula ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang terhormat, satu jam untuk soalan-soalan sudah cukup, sekarang kita terus pergi kepada perkara yang lain.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 41 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak).

KELAPAPARUT- PENCEMARAN BAKTERIA

23. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah hasil siasatan dari pihak Kementerian berikutan isu Jabatan Kesihatan Britain menarik balik kebenaran menjual kelapa parut Malaysia di seluruh pasar raya negara itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Berikutan dari laporan yang menyatakan terdapat pencemaran kelapa parut dari Malaysia oleh bakteria Salmonella di Britain, Kementerian Kesihatan telah menjalankan siasatan bagi mendapatkan gambaran yang sebenar, mengesan punca di Malaysia dan menjalankan tindakan susulan yang perlu.

Dari maklumat-maklumat yang diperolehi setakat ini kelapa parut yang dikatakan tercemar adalah dieksport melalui pengeksport di Singapura yang dipercayai mendapat bekalan dari beberapa pengeluar di Malaysia dan

juga lain-lain negara jiran. Walau bagaimanapun, tidak ada maklumat yang terdapat mengaitkan mana-mana pengilang kelapa parut di Malaysia secara jelas dan langsung dengan kelapa parut yang tercemar di Britain. Pemeriksaan telah dibuat ke atas 29 buah kilang kelapa parut di seluruh Malaysia dan sebanyak 135 contoh telah diambil dari kilang-kitang tersebut untuk dianalisis dan hasilnya tidak menunjukkan sebarang pencemaran oleh bakteria Salmonella yang dilaporkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya kelapa parut yang diimport oleh sebuah firma di Britain dan bukan semua kelapa parut yang diimport dari Malaysia ditarik balik dari pasaran di negara yang terlibat.

Pihak Kementerian walau bagaimanapun masih meneruskan siasatan dan menunggu maklurnat-maklumat lebih lanjut mengenai perkara ini, antaranya dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Britain melalui Pesuruhjaya Perundangan Malaysia di London, pihak pengeksport di Singapura dan beberapa pihak lain yang berkaitan.

TILAWAH AL-QURAN - HADIAH KEPADA PEMENANG

24. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang hendak meningkatkan hadiah kepada pemenang Qari dan Qariah dalam menggalakkan umat Islam memperingkatkan mutu bacaan Quran kerana hadiah-hadiah dalam bidang sukan nyata lebih menarik; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak mendaftar Guru-guru mengajar baca Quran di kampung-kampung dan menyelaraskan dan mengadakan kursus-kursus peningkatan

mutu pengajaran dan menyesuaikan dengan usaha-usaha pengwujudan kolej Al-Quran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

- (a) Kerajaan telah beberapa kali mengkaji dan menambah hadiah-hadiah bagi Tilawah al-Quran. Kajian yang terakhir ialah pada tahun 1990. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji bagi menambah lagi hadiah-hadiah itu pada masa ini.
- (b) Di bawah program Kelas Quran dan Fardhu Ain untuk Kanak-Kanak Sekolah Rendah yang diberi bantuan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa agama Islam negeri yang mengendalikan program tersebut di tiap-tiap negeri memilih guru-guru yang berkebolehan untuk mengajar di kelas-kelas Quran itu dan mendaftarkan mereka. Program Kelas Quran dan Fardhu Ain ini adalah bertujuan mempertingkatkan mutu pengajaran dan menyelaraskannya di seluruh negara. Oleh itu Program ini mengadakan kursus-kursus latihan guru-guru dan sukatan pelajaran yang seragam bagi seluruh negara.

KAD PENGENALAN BARU— PROSES PENGELUARAN

25. **Dato' Tan Gim Hwa** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kad pengenalan baru yang dikeluarkan sehingga bulan November, 1991; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang timbul daripada

pemprosesan permohonan-permohonan di atas; jika ada, apakah langkah-langkah penyelesaiannya.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Sehingga akhir November 1991 sebanyak 804,180 kad pengenalan baru (KPT) telah dikeluarkan.
- (b) Jabatan tiada menghadapi masalah yang boleh menjejaskan proses pengeluaran KPT.

TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK-PENUBUHAN

26. **Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada, ada rancangan untuk menubuhkan tempat jagaan kanak-kanak di kawasan-kawasan luar bandar terutama di taman-taman rumah kos rendah unluk menggalakkan suri-suri rumahtangga keluar bekerja bagi menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh negara kita sekarang.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan terus menggalakkan penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak ataupun TASKA sebagai satu usaha bagi menggalakkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh baik dari segi fizikal, mental, emosi dan sosial. Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan taman asuhan itu tetapi akan bertanggungjawab bagi pendaftaran, penilaian dan pengawalan TASKA sepertimana yang termaktub dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Orang ramai atau organisasi yang berminat untuk menubuhkan TASKA bolehlah berhubung dengan Pejabat

Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan panduan dan nasihat mengenai cara-cara penubuhan dan proses pendaftaran TASKA tersebut. Adalah dijangkakan bahawa dengan wujudnya TASKA di kawasan-kawasan tertentu, ramai lagi suri-suri rumahtangga dapat keluar bekerja dan seterusnya membantu menambah pendapatan keluarga dan mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh negara masa kini.

PENDIDIKAN PRASEKOLAH

27. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyak bilangan sekolah dan bilangan murid terlibat dalam pra-sekolah pada 2hb Disember 1991;
 1. Sekolah Kebangsaan;
 2. Sekolah Rendah Kebangsaan;
 3. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina);
 4. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil); dan
- (b) bilakah rancangan ini akan diamalkan pada seluruh negara.

Dr Kong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pelancaran pendidikan pra-sekolah akan diadakan pada 5 atau 6 Januari 1992. Bilangan sekolah dan murid yang terlibat dalam program pra-sekolah adalah seperti berikut:

	<i>Sekolah</i>	<i>Murid</i>
(i) SK/SKK	1,000	25,000
(ii) SRJK(C)	29	725
(iii) SKJK(T)	15	375
Jumlah	1,044	26,100

(b) Program pendidikan pra-sekolah ini sebenarnya meliputi seluruh negara. Sehingga 1995/1996 dijangka 53% dari keseluruhan kanak-kanak berumur 5 + tahun masih perlu ditampung oleh Kemementerian Pendidikan kerana kekurangan kemudahan pra-sekolah. Sebanyak 47% lagi kanak-kanak tersebut akan ditampung oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain dan juga pihak-pihak swasta yang turut menyediakan kemudahan pendidikan pra-sekolah.

DARUL ARQAM - KEGIATAN

28. **Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sesudah Kumpulan Arqam diharamkan adakah mereka masih bergiat dalam kegiatannya yang lain.

Tuan Ong Ka Ting: Sehingga kini Darul Arqam masih dikesan menjalankan berbagai aktiviti dan kegiatannya sepertimana masa lalu. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti tersebut hanyalah aktiviti-aktiviti biasa yang tertumpu di perkampungan-perkampungan Darul Arqam yang khas untuk ahli-ahli kumpulan itu sahaja tanpa melibatkan masyarakat luar.

GURUBERMASALAH-BILANGAN

29. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah bilangan guru yang bermasalah di seluruh negara;
- (b) apakah tindakan yang dikenakan terhadap guru-guru yang bermasalah itu; dan

(c) yuran pengajian di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan telah meningkat sekali ganda. Tidakkah ada usaha Kerajaan untuk menambah peruntukan biasiswa disebabkan kenaikan yuran pengajian itu.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) bilangan guru yang bermasalah di seluruh negara ialah seramai 237 orang guru. Jumlah ini merupakan 0.12% daripada bilangan guru pada keseluruhannya.
- (b) Tindakan yang dikenakan terhadap guru-guru yang bermasalah itu ialah:
 - (i) menggalak dan membantu mereka mendapatkan rawatan perubatan dengan segera,
 - (ii) memberi mereka kebenaran cuti sakit selaras dengan Perintah Am, Bab "C" dan "F".
 - (iii) mendapatkan guru ganti sementara guru berkenaan bercuti.
 - (iv) memberi tugas-tugas ringan, di luar bilik darjah kepada guru-guru yang berkenaan.
 - (v) m e n a m a t k a n perkhidmatan guru berkenaan melalui proses persaraan.
 - (vi) mengambil tindakan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D" 1980 terhadap guru-guru yang didapati m e l a n g g a r tatakelakuan.
- (c) Selaras dengan kenaikan yuran pengajian di Institusi Pengajian Tinggi tempatan,

pihak penaja telah menaikkan biasiswa pelajar-pelajar untuk menampung kenaikan tersebut.

**SEKOLAH MENENGAH
VOKASIONAL - KEMUDAHAN
UNTUK BELIA**

30. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah sekolah vokasional diguna sepenuhnya oleh belia-belie pada waktu malam. Syllabus apakah yang disediakan dan digunakan dan berapa peratus penyertaan belia dalam negara kita menyertainya.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Pendidikan telah membenarkan semua kemudahan di sekolah menengah vokasional untuk digunakan oleh semua pihak khususnya para belia pada waktu yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Program ini merangkumi semua kursus dalam bidang Ketukangan, Perdagangan, Ekonomi Rumahtangga dan Pertanian. Kursus ini adalah Kursus Sambilan yang dilaksanakan mengikut modul. Tiap-tiap modul akan mengambil masa dari 2 minggu hingga ke 3 bulan. Pada tahun 1991, empat buah sekolah menengah vokasional telah mengadakan Kursus Sambilan ini dan telah melatih 200 orang belia dari 3 buah negeri iaitu Perak, Johor dan Pulau Pinang.

**PERJANJIAN ANTARA
KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN NEGERI**

31. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail minta Perdana Menteri

menyatakan berhubung dengan perjanjian Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri-negeri di dalam Malaysia ini:

- (a) adakah perjanjian ini serupa di tiap-tiap negeri atau berlainan di antara satu sama lain; dan
- (b) sudahkah perjanjian ini disemak semula semenjak tahun 1948 atau belum.

Tuan Douglas Uggah Embas: Didapati soalan yang dikemukakan itu adalah tidak jelas kerana tidak diketahui apakah perjanjian-perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang dimaksudkan. Soalan itu adalah terlalu luas dan memerlukan bulir-butir lanjut mengenai perjanjian yang dimaksudkan.

**PELABURAN ASING -
JUMLAH MODAL**

32. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah negara-negara yang banyak membuat pelaburan di negara ini:

- (a) nama negara-negara tersebut dan nilai pelaburan;
- (b) jenis pelaburan; dan
- (c) negeri mana pelaburan itu dijalankan.

Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Bagi tempoh Januari-Oktober 1991, jumlah modal pelaburan asing yang diluluskan ialah \$13,555.1 juta iaitu 54.3% dari jumlah modal pelaburan.

Mengikut penyertaan negara asing, pelaburan yang terbesar sekali yang diluluskan adalah dari negara-negara Jepun (\$3,051.7 juta), Taiwan

(\$2,101.8 juta), Republik Korea Selatan (\$1,665.2 juta), Amerika Syarikat (\$1,483.2 juta), Indonesia (\$1,243.3 juta), Hong Kong (\$590.8 juta) dan United Kingdom (\$535.5 juta).

Jumlah modal pelaburan asing dari ketujuh-tujuh negara tersebut adalah \$10,662.5 juta iaitu 78.7% dari jumlah modal pelaburan asing.

- (b) Pelaburan-pelaburan asing yang diluluskan dalam tempoh tersebut adalah tertumpu dalam industri bararig-barang logam asas (\$2,996.4 juta), industri petroleum dan arang batu (\$2,564.7 juta), industri barang-barang galian bukan logam (\$1,845.3 juta), industri kimia dan barang-barang kimia (\$1,780.9 juta) dan industri barang-barang elektrik dan elektronik (\$1,658.2 juta).

Jumlah modal pelaburan asing dari kelima-lima industri tersebut adalah \$10,845.5 juta iaitu 80.0% dari jumlah modal pelaburan asing.

- (c) Pelaburan-pelaburan asing tersebut adalah tertumpu di negeri-negeri Melaka (\$2,969.2 juta), Terengganu (\$2,571.8 juta), Selangor (\$2,253.8 juta), Johor (\$2,071.5 juta) dan Perak (\$1,397.3 juta).

Jumlah modal pelaburan asing dari kelima-lima negeri tersebut adalah \$11,263.6 juta iaitu 83.1% dari jumlah modal pelaburan asing.

PINJAMANKENDERAAN- HAD KELAYAKAN

33. **Tuan Saad bin Haji Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan harga kereta masa ini lebih tinggi daripada jumlah pinjaman

pembelian kenderaan oleh pegawai-pegawai Kerajaan, apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula skim pinjaman pembelian kenderaan kakitangan Kerajaan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Kerajaan sedar bahawa harga kenderaan telah meningkat beberapa tahun yang lepas. Oleh itu Kerajaan menaikkan had kelayakan pinjaman kenderaan pada awal tahun 1990 melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1990. Secara umumnya julat atau dengan izin, range kelayakan pinjaman kenderaan yang berkuatkuasa sekarang adalah di antara \$17,000 hingga \$35,000 bergantung kepada taraf jawatan seseorang pegawai. Had kelayakan ini adalah ditetapkan berdasarkan kepada keupayaan pegawai membuat bayaran balik pinjaman itu pada paras yang tidak akan membebankan. Memandangkan had kelayakan itu baru sahaja dipinda pada tahun lepas, Kerajaan tidak bercadang untuk memindanya sekarang.

WAWASAN 2020 - PERUBAHAN SIKAP RAKYAT

34. **Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Perdana Menteri menjelaskan tentang latihan atau kursus pengubahan sikap bagi disesuaikan dengan pelaksanaan Wawasan 2020 sama ada di kalangan kepimpinan dalam Kerajaan, ulamak, kakitangan awam, swasta, belia, pelajar, pemimpin masyarakat dan sebagainya.

- (a) Sejauhmana suatu perancangan latihan jangka panjang telah dibuat untuk mengubah sikap rakyat, terutama di kalangan kumpulan tertera di atas;

- (b) berapa banyak, pusat-pusat latihan yang sedia ada dan yang telah dirancang untuk dibina bagi tujuan berkenaan;

- (c) berapa banyak peruntukan yang telah disediakan bagi mem-perlihatkan komitmen Kerajaan terhadap pencapaian matlamat berkenaan;
- (d) setakat mana komitmen Kerajaan-kerajaan Negeri dalam sama-sama berusaha merealisasi hasrat Perdana Menteri terhadap latihan berkenaan; dan
- (e) apakah usaha-usaha yang di-jalankan bersama pihak swasta sejauh ini dan di masa akan datang untuk menjayakan latihan tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Izinkan saya memberi ulasan secara umum terlebih dahulu.

Wawasan 2020 adalah satu tahap matlamat yang memberi gambaran corak dan rupa bentuk masyarakat Malaysia yang kita akan berusaha membawa kepada kenyataan dalam jangkamasa satu generasi. Ia melibatkan proses perubahan masyarakat Malaysia dari satu tahap pembangunan yang berasaskan ekonomi pertanian kepada ekonomi yang berasaskan perindustrian, di mana nilai-nilai ditambah keluaran ekonomi adalah lebih tinggi dan justeru itu pendapatan negara adalah juga tinggi. Selaras dengan itu tahap kualiti hidup rakyat Malaysia adalah juga akan rnenjadi lebih baik dan sempurna.

Di dalam melalui proses perubahan ini, salah satu aspek perubahan yang penting ialah dari segi sikap dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Malaysia. Nilai dan sikap yang selaras dengan keperluan pembangunan per-industrian adalah aspek penting yang dapat melahirkan satu masyarakat yang cekap, effisyen dan penuh kesedaran terhadap produktiviti, kos dan kualiti mutu pengeluaran. Dengan adanya sikap dan nilai ini, ia akan menyokong usaha meningkatkan daya saingan barang keluaran Malaysia dan

seterusnya menjamin kehadiran keluaran Malaysia dalam persekitaran perdagangan dunia yang sentiasa berubah dan pesat persaingannya.

Nilai-nilai yang perlu dipupuk adalah selaras dengan nilai-nilai Islam. Sebahagian dari nilai-nilai ini adalah menempuh aspek-aspek kejujuran dan keikhlasan, disiplin, ketepatan masa, kesetiaan, bekerja kuat, rajin, dedikasi terhadap memperbaiki kedudukan diri sendiri dan masyarakat, kesedaran kos dan teliti kepada perincian. Nilai-nilai ini memberi sumbangan terhadap kualiti.

Mengubah sikap dan nilai ma-syarakat bagi seluruh negara bukanlah satu perkara yang senang dan dibuat serta mencapai matlamatnya dengan sekelip mata. Ia memerlukan sokongan dan usaha-usaha serta tekad yang gigih dari semua pihak termasuklah ahli Dewan yang mulia ini. Usaha-usaha yang dijalankan adalah berbentuk berterusan. Jayanya atau tidak usaha ini akan dapat kita sama-sama lihat menjelang akhirnya kurun dua puluhan ini. Petunjuk kejayaannya ialah masyarakat kita akan menjadi lebih toleran, suasana sosio politik negara tenteram, ekonomi berkembang dengan pesat, negara mewah dan rakyat hidup bahagian. Jika ini dicapai kita boleh mengatakan bahawa kita telah men-capai kejayaan dalam membawa perubahan sikap dan nilai masyarakat kita sesuai dengan keperluan zaman.

Walaupun saya telah menempuh soalan ini secara umum, namun izinkan saya menempuh soalan satu persatu.

- (a) Mengubah sikap merupakan satu usaha yang berterusan. Ia melibatkan usaha-usaha meng-ubah cara dan tatalaku individu dalam masyarakat. Adalah di-anggar usaha-usaha membawa perubahan nilai ini tidaklah mudah, halangan dan rintangan besar dan kecil perlu diatasi dengan tekad dan gigih. Usaha-

usaha yang dijalankan adalah dalam berbagai bentuk melalui sistem pendidikan dan latihan, media massa, amalan peraturan dan prosedur kerja dan sistem perhubungan moden.

- (b) Usaha mengubah sikap tidaklah memerlukan pusat latihan khas. Ia boleh dilaksanakan bukan sahaja di pusat latihan malah di pejabat, di kilang mahupun di rumah. Tempat dan masa akan menentukan corak dan tatacara menyampaikan mesej betapa perlunya sikap dan nilai disesuaikan dengan perkembangan zaman.
- (c) Oleh kerana usaha-usaha melahirkan amalan sikap dan nilai baru tidaklah terletak kepada usaha-usaha khas tetapi ia adalah dicantumkan dan disembarkan melalui sistem pendidikan, latihan dan media massa yang sedia ada, peruntukan khas adalah tidak perlu. Apa yang penting ialah bagaimana sikap dan nilai-nilai baru ini disemadikan dalam keseluruhan hidup masyarakat.
- (d) Komitmen penglibatan Kerajaan Negeri adalah melalui sokongan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Semua Kerajaan Negeri memberi sokongan oleh kerana usaha-usaha mengubah sikap dan nilai adalah untuk kepentingan negara dan kebahagiaan rakyat.
- (e) Pihak swasta telah memberi sokongan yang penuh terhadap usaha Kerajaan di dalam hal ini. Ini adalah kerana usaha-usaha ini adalah mendatangkan faedah yang dapat dibuktikan melalui pengeluaran barang dan khidmat yang berkualiti tinggi dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Sektor swasta banyak

tetap menjalankan latihan dan seminar-seminar sendiri dan membuat penyusunan sistem pengeluaran selaras dengan perkembangan dan perubahan teknologi.

PROJEK PERUMAHAN MENYEBABKAN BANJIR KILAT/HAKISAN TANAH

35. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang cuai memajukan sesuatu projek perumahan sehingga menyebabkan banjir kilat, hakisan tanah dan aliran lumpur di kawasan sekitarnya; dan
- (b) adakah Kerajaan menetapkan kriteria tertemu terhadap lokasi sesuatu projek perumahan sebelum kelulusan mengendainya dibuat. Ini berasaskan kepada projek-projek perumahan di kawasan lembah atau paya sering mengalami banjir kilat dan projek-projek perumahan di kawasan bekas lombong sering mengalami robohan.

Tuan Osu bin Haji Sukam:

- (a) Adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa punca utama banjir kilat dan hakisan tanah di sesuatu kawasan disebabkan oleh pemaju-pemaju projek perumahan. Kebiasaannya keadaan di sekeliling projek perumahan seperti sungai dan longkang-longkang yang ditimbus dengan sampah-sarap dan pengwujudan kawasan setinggan adalah faktor-faktor utama yang menyebabkan banjir kilat dan hakisan tanah.

Bagaimanapun sekiranya didapati bahawa masalah banjir kilat dan hakisan tanah disebabkan oleh projek perumahan, pihak Kerajaan boleh mengarahkan pemaju perumahan memberhentikan kerja-kerja di tapak tersebut. Kerja-kerja pembinaan hanya boleh disambung atau diteruskan sehingga pemaju dapat memulihkan keadaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan demi menjaga kepentingan dan keselamatan di kawasan berkenaan.

- (b) Setiap projek perumahan adalah dikehendaki memenuhi syarat-syarat mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 sebelum kelulusan diberi oleh pihak Kerajaan pada pemaju untuk memulakan projek perumahan.

SIJILKELAHIRAN-DISKRIPSI KAUM

36. **Datuk Tan Gim Hua** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggugurkan diskripsi kaum dalam Sijil Beranak; jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan dan jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Tuan Ong Ka Ting: Perkataan kaum tidak lagi digunakan dalam sijil kelahiran.

PENYAKIT TAUN DI TANJONG PIANDANG

37. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh

Kementerian Kesihatan untuk membendung penyakit taun di Tanjong Piandang Daerah Krian, memandangkan saluran-saluran pembuangan najis tidak begitu teratur di sana,

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk membendung semasa penyakit taun berlaku di Tanjong Piandang Daerah Krian ialah seperti berikut:

- (1) Menyiasat dengan segera kes-kes yang dilaporkan.
- (2) Mengasing dan merawat semua pesakit di hospital dan pesakit hanya dibenarkan pulang setelah rawatan sepenuhnya diberi.
- (3) Menyiasat semua kontrak dan mencari kes secara aktif (active case finding).
- (4) Memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai yang bertujuan untuk menasihatkan mereka supaya tahu cara-cara untuk mengelakkan daripada terkena penyakit berkenaan.
- (5) Memberi bantuan teknik dan peralatan untuk membina tandas yang sempurna kepada penduduk tempatan.
- (6) Meninggalkan lagi pengawasan (surveillance) penyakit cirit-birit di daerah ini seria daerah-daerah berdekatan.

Dengan langkah-langkah yang segera diambil oleh Kementerian Kesihatan, penyakit taun dapat dibendung hanya kepada satu kawasan sahaja serta dapat dikawal daripada merebak ke kawasan-kawasan lain. Kawasan yang terlibat bebas daripada penyakit taun pada 12-11-1991.

DEFISIT PERDAGANGAN LUAR NEGARA

38. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi defisit dagangan negara yang dijangka meningkat kepada \$6 bilion pada tahun ini.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Dalam tahun 1991, perdagangan luar negara dianggarkan mengalami defisit yang lebih besar, berbanding dengan tahun 1990. Defisit ini adalah berpunca daripada pertambahan import yang pesat sebanyak 32%, berbanding dengan pertambahan eksport sebanyak 20.1%. Import yang besar ini adalah berpunca daripada jumlah import barang-barang modal dan perantaraan yang dianggarkan berkembang sebanyak 34.6% dalam tahun 1991, selaras dengan perkembangan pelaburan swasta.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan defisit ini. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah:

- (a) menggalak dan mempelbagai-kan eksport negara khususnya keluaran perkilangan;
- (b) mengawal import barang-barang penggunaan;
- (c) menggalakkan industri tempatan mengeluarkan barangan modal;
- (d) menggalakkan pengesport-pengesport meluaskan pasaran eksport mereka ke pasaran-pasaran baru bukan tradisional seperti Amerika Latin;
- (e) menggalak dan memajukan industri pelancongan sebagai sumber pertukaran asing yang utama; dan
- (f) memajukan dan mempertingkatkan lagi kapasiti sektor perkhidmatan dalam negeri

khususnya dalam bidang perkapalan, pengangkutan, insurans dan pendidikan tinggi.

Melalui langkah-langkah yang dinyatakan tadi, kedudukan defisit perdagangan negara dijangka dapat diperbaiki iaitu apabila sektor perkilangan mula meningkatkan eksport hasil perkilangan mereka. Dalam masa yang sama prestasi sektor perkhidmatan dijangka dapat diperbaiki lagi bagi meningkatkan pendapatan eksport dagangan tak ketara. Selain daripada itu, sektor swasta dijangka berusaha dengan lebih gigih bagi meluaskan pasaran eksport mereka seperti ke Amerika Latin dan Eropah Timur serta meningkatkan lagi keupayaan eksport perkhidmatan.

TINJU - PENGHARAMAN DALAM ACARA SUKAN

39. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengharamkan tinju dalam acara-acara sukan di masa-masa yang akan datang.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa); Tinju adalah salah satu jenis sukan yang diiktirafkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukan dunia seperti WBC (World Boxing Council), WBA (World Boxing Association) dan IBF (International Boxing Federation) dan telah menjadi acara rasmi dalam kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa dan dunia seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

Pihak Kememerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk mengharamkan permainan tinju dalam acara-acara sukan di masa-masa yang akan datang. Walaupun sukan tinju adalah salah satu sukan yang berunsur kombatif tetapi sukan ini akan terus digalakkan selaras dengan keutamaannya dalam hiraki

yang lelah ditetapkan di dalam Program Malaysia Cemerlang. Sukan tinju merupakan salah satu sukan yang dapat menyumbangkan bilangan pingat yang tinggi di sesuatu kejohanan.

**SRJK (C) DAN SRJK (T) -
KENAIKAN TERUS KE
TINGKATAN SATU**

40. Datuk Tan Gim Hua minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid Sekolah Rendah Jerris Kebangsaan Cina dan Tamil yang memperolehi 4A 2c dalam penilaian UPSR yang lelah dinaikkan terus ke Tingkatan Satu mulai sesi persekolahan baru ini. Sila berikan angka-angka untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia.
- (b) adakah keputusan Kabinet untuk membenarkan murid-murid yang memperolehi 4A 2c dalam penilaian UPSR untuk terus ke Tingkatan Satu itu merupakan satu polisi Kerajaan;
 - (i) jika bukan, apakah keputusan Kabinet; dan
 - (ii) jika ya, adakah Kerajaan bercadang atau menimbang untuk mengambil tindakan disiplin terhadap Pengarah Bahagian Sekolah-sekolah, Dato' Dr Haji Isa Ramli kerana memberikan arahan mengelirukan yang mengatakan keputusan Kabinet ini hanya terpakai untuk sesi persekolahan 1991/92 ini sahaja.

17-12-91

39. Tuan Neo Tuan Cheng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kebenaran untuk dinaikkan

terus ke Tingkatan 1 bagi pelajar-pelajar darjah enam dalam Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang mendapat semua A dalam peperiksaan UPSR aliran masing-masing dan sekurang-kurangnya 2c dalam Bahasa Malaysia Aliran Sekolah Rendah Kebangsaan tahun ini satu langkah sementara sahaja. Jika ya, apakah sebabnya.

27-12-91

13. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid dari SRJK(T) dan SRJK(C) yang berjaya mendapat keputusan 4A dan 2c; dan
- (b) sama ada surat pekeliling yang dihantar ke sekolah untuk menempatkan murid yang mendapat keputusan 4A dan 2c ke Tingkatan 1 itu merupakan arahan tetap.

34. Tuan K. Munisamy minta Menteri Pendidikan menyatakan kriteria bagi murid-murid tahun 6 SRJK(T) dan SRJK(C) untuk memasuki Tingkatan 1 terus tanpa memasuki kelas Peralihan pada tahun 1991.

Dr Fong Chan Onn: Terdapat 4 soalan mengenai isu kenaikan terus ke Tingkatan 1 bagi pelajar-pelajar SRJK(C) dan SRJK(T). Oleh itu saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan yang sama adalah seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Tan Gim Hua - 16-12-91
- (ii) Yang Berhormat Senator Neo Tuan Cheng - 17-12-91
- (iii) Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong - 27-12-91
- (iv) Yang Berhormat Senator K. Munisamy - 27-12-91

- (a) Bilangan murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang telah dinaikkan terus ke Tingkaiian 1 pada Disember ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Murid SRJK(C)	Bil. Murid SRJK(T)
Perak	536	16
Selangor	474	6
Pahang	110	1
Kelantan	57	0
Sabah	53	0
Johor	407	6
Kedah	186	4
Melaka	108	4
Negeri Sembilan	207	17
Pulau Pinang	215	
Perlis	5	1
Sarawak	108	0
Terengganu	46	0
Wilayah Persekutuan	509	0
JUMLAH	3,201	56

- (b) Berasaskan kepada Akta Pelajaran 1961, murid-murid daripada SRJK(C) dan SRJK(T) di mana bahasa pengantar utamanya bukan Bahasa Malaysia, dikehendaki mengikuti Kelas Peralihan selama satu tahun sebelum dibolehkan memasuki Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Kebangsaan. Walau bagaimanapun pada tahun 1991, Kabinet telah membuat keputusan bahawa murid-murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) dibenarkan membuat pilihan sama ada mengambil Kertas Soalan Bahasa Malaysia SK/SRK atau Kertas Soalan Bahasa Malaysia SRJK(C) dan (T). Untuk mendapat pengecualian daripada mengikuti Kelas Peralihan mereka mestilah lulus pada tahap yang sesuai Kertas Bahasa Malaysia SK/SRK dan mendapat A dalam semua mata pelajaran yang lain.

Sehubungan itu Kementerian Pendidikan baru-baru ini telah

mengeluarkan arahan kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri supaya membenarkan pelajar-pelajar SRJK(C) dan (T) yang telah menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 1991 dan telah mendapat 4A iaitu dalam mata pelajaran Bahasa Cina/Bahasa Tamil (Pemahaman), Bahasa Cina/Bahasa Tamil (Penulisan), Bahasa Inggeris (SRJK) dan Matematik dan lulus paling minima pangkat C dalam kertas Bahasa Malaysia (Penulisan) Kod 011 dan Bahasa Malaysia (Pemahaman) Kod 012 untuk ditempatkan terus ke Tingkatan Satu tanpa melalui kelas peralihan. Arahan pelaksanaan ini adalah untuk pelajar-pelajar SRJK(C) dan SRJK(T) bagi sesi persekolahan tahun 1991/1992 sahaja dan arahan ini adalah jelas dan tetap dan tidak sekali-kali mengelirukan.

Keputusan ini juga mencerminkan beberapa kelonggaran dari segi dasar berbanding dengan keputusan-keputusan yang telah ditetapkan.

MAJLIS PEGUAM - TINDAKAN KERAJAAN

41. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Kehakiman menyatakan perkara-perkara berikut:

- sejauhmanakah Majlis Peguam (Bar Council) akur dengan teguran-teguran Kerajaan dan Perhimpunan Agung UMNO 1991;
- sekiranya mereka tidak mengendahkan teguran-teguran Kerajaan, apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kehakiman; dan
- sejauhmanakah perjalanan penggunaan Bahasa Malaysia di

Mahkamah sekarang dan adakah Kerajaan bersikap tegas dalam hal ini.

Tuan Douglas Uggah Embas:

- (a) Daripada kenyataan Majlis Peguam adalah nyata bahawa mereka masih berpendirian yang boleh dianggap bertentangan dengan profession mereka dan dengan sendirinya terlibat dengan perkara yang berbau politik. Mereka tidak mahu menerima teguran, seolah-olah mereka saja yang benar.
- (b) Sebenarnya soal berhubung dengan Majlis Peguam adalah terletak di bawah Peguam Negara Jabatan Perdana Menteri dan bukannya di bawah Kementerian Kehakiman. Walau bagaimanapun, sebagai menjawab soalan (b) sebenarnya tidak ada badan profession di negara ini yang terkecuali dari undang-undang. Oleh yang demikian, pergerakan Majlis Peguam juga mestilah selaras dengan peruntukan undang-undang.
- (c) Pada masa ini pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret telah mencapai tahap seratus peratus. Bagi Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi pelaksanaan Bahasa Malaysia telah mencapai tahap lebih daripada 70%.

Dasar kegunaan Bahasa Malaysia telah dilaksanakan sepenuhnya dalam pentadbiran pengadilan di semua peringkat. Kaedah-kaedah termasuk Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1980, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 telah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Pindaan-pindaan juga telah dibuat bagi mewajibkan semua dokumen difailkan

dalam Bahasa Malaysia. Di samping ini semua penghakiman dalam mahkamah mulai 1hb Jun 1990 hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1990
DAN 1991) (NO. 2)**

Bacaan Kali Yang Kedua

3.51 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun tersebut itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$496,764,900 dikeluarkan daripada Kumpulanwang. Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada Rang Undang-undang ini.

Dalam mengemukakan cadangan ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa peruntukan-peruntukan tambahan untuk perbelanjaan mengurus yang dipohon menerusi Rang Undang-undang ini adalah bagi memenuhi keperluan sebenar yang tidak dapat dielakkan. Kementerian Kewangan akan terus mengamalkan dasar jimat-cermat dan kawalan perbelanjaan yang rapi supaya tidak berlaku pembaziran

dan dengan itu hanya permohonan peruntukan tambahan yang benar-benar perlu sahaja akan diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1990 adalah berjumlah \$5,791,400. Dari jumlah ini sebanyak \$5,227,300 diminta diluluskan di bawah Fasa 2 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$564,100 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah seksyen 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$3.3 juta di bawah Maksud B.27, Kementerian Luar Negeri untuk menampung bayaran emolumen berikutan pelarasan gaji kakitanganambilan tempatan di Pejabat Perwakilan Malaysia Luar Negeri dan untuk bayaran kenaikan kos perhubungan, komunikasi dan utiliti.
- (2) Tambahan sebanyak \$1.8 juta di bawah Maksud B.59, Jabatan Perpaduan Negara untuk pelarasan perbelanjaan berikutan perpindahan Jabatan ini daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa penyusunan semula Kementerian dan Jabatan pada 27hb Oktober, 1990.

Peruntukan tambahan yang lain-lain sebanyak \$93,400 adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai kenaikan kadar Elaun Khidmat Awam di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan dan B.43, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Butir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1990 ini boleh didapati dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1991 dan dalam Memoradum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan Kedua) 1991 adalah berjumlah \$530,077,900. Dari jumlah ini sebanyak \$491,537,600 diminta diluluskan di bawah Fasa 3 Rang Undang-undang ini manakala baki daripada jumlah tersebut sebanyak \$38,540,300 adalah merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasa 3 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Tambahan sebanyak \$213.7 juta di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya adalah untuk perkara-perkara berikut:
 - (a) sebanyak \$208.9 juta untuk membolehkan Lembaga Lebuhraya Malaysia membayar balik pinjaman-pinjaman yang diperolehi;
 - (b) sebanyak \$4.8 juta adalah untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran kenaikan gaji sebanyak 5% di bawah Kementerian Kerja Raya.
- (2) Tambahan sebanyak \$150 juta di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan adalah untuk perbelanjaan berikut:
 - (a) sebanyak \$115 juta untuk bayaran kenaikan gaji

- 5% bagi kakitangan di bawah Program Pendidikan Rendah dan Menengah;
- (b) sebanyak \$24.9 juta adalah untuk:
- (i) pemberian sebanyak \$15.7 juta kepada Universiti Islam Antarabangsa untuk menampung kekurangan peruntukan belanja mengurus dan kenaikan gaji 5%.
- (ii) pemberian sebanyak \$9.2 juta kepada Universiti Utara Malaysia untuk Tabung Pinjaman Perumahan dan Kenderaan serta kenaikan gaji sebanyak 5%.
- (c) Pemberian sebanyak \$10 juta kepada universiti-universiti tempatan bagi memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu untuk menampung kenaikan yuran pengajian mereka.
- (3) Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tambahan sebanyak \$40 juta di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek kecil, infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial.
- (4) Tambahan sebanyak \$32.2 juta di bawah Maksud B.36, Polis Diraja Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bayaran kenaikan gaji
- 5% bagi Pegawai Polis dan kakitangan awam.
- (5) Seterusnya, tambahan sebanyak \$20.5 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B.28, Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikut:
- (a) tambahan sebanyak \$15 juta untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi sumbangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun;
- (b) tambahan sebanyak \$2.5 juta untuk menjelaskan bayaran terakhir perolehan komputer jabatan mengakaun sendiri, kos penyelenggaraan komputer di tujuh buah jabatan mengakaun sendiri dan sewaan ruang pejabat Jabatan Akauntan Negara Cawangan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur;
- (c) tambahan sebanyak \$2.7 juta untuk menampung kekurangan peruntukan bayaran kenaikan gaji sebanyak 5%; dan
- (d) tambahan sebanyak \$0.4 juta untuk membiayai perbelanjaan awal bagi kerja-kerja menggantikan enam buah lif di bangunan Kementerian Kewangan.
- (6) Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$20 juta adalah diperlukan di bawah Maksud B.56, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk sumbangan Kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara bagi membantu badan-badan kebajikan dan

kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, orang tua dan anak-anak yatim.

- (7) Selain daripada itu, seterusnya tambahan sebanyak \$10.7 juta di bawah Maksud B.20 adalah diperlukan untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (a) Sebanyak \$10 juta untuk bayaran kemajuan pembinaan pavilion dan kerja-kerja yang berkaitan untuk penyertaan Malaysia di dalam Eksposisi Seville di Sepanyol pada tahun 1992.
- (b) Sebanyak \$0.7 juta untuk m e n a m p u n g perbelanjaan bagi membaharui persembahan audio-visual dan pembelian alat-alat baru bagi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang lain-lain sebanyak \$4,470,100 adalah dikehendaki untuk membiayai berbagai perkhidmatan di bawah Maksud B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, B.39 Jabatan Pendaftaran Negara dan B.47 Kementerian Pengangkutan.

Butir-butir dan penjelasan-penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1991 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1991 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13A Tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu terbuka untuk dibahas sekarang, Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin.

4.00 ptg.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga mengkaji Rang Undang-undang ini dan setelah mendengar penjelasan yang begitu jelas dan detail daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, maka dengan rela dan dengan penuh tanggungjawab saya menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi, saya ingin membuat beberapa sentuhan dari Kementerian-kementerian yang telah diberikan pertambahan-pertambahan kewangan berkenaan.

Sesungguhnya kita mengucapkan tahniah kerana hampir semua Jadual yang diterakan di sini seperti Jadual Pertama, Seksyen 2 dan Jadual Kedua, Seksyen 3 dan Kementerian yang

disebutkan tadi kebanyakan kewangan yang ditambahkan ini adalah untuk membayar pelarasan gaji atau tambahan gaji kepada kakitangan/petugas-petugas di Kementerian berkenaan. Sesungguhnya, pelarasan gaji atau kenaikan gaji, setengah mengatakan ianya sangat baik walaupun 5%. Setengahnya mengatakan sedikit tetapi kesimpulannya ia merupakan satu penghormatan dan satu ucapan terima kasih kepada penerimaan Kerajaan dan kami Ahli-ahli Dewan Negara juga merasakan perasaan yang sama untuk memberikan kelegaan, dan ini merupakan satu imbuhan dededikasi pegawai-pegawai Kerajaan kita yang tidak boleh dinafikan, yang telah bekerja keras membantu Kementerian-kementerian melaksanakan semua dasar-dasarnya yang membawa keuntungan kepada rakyat jelata dan negara.

Kenaikan gaji yang telah disebutkan dan kemudian suratkhbar syok benar, heboh sangat tentang "durian-durian runtuh" ini menimbulkan juga implikasi-implikasi yang mungkin tidak begitu menggembarakan. Umpamanya apabila diisytiharkan sahaja pelarasan gaji itu dan kemudian pembayarannya ditentukan bertingkat-tingkat ada bayaran pertama, bayaran kedua, bayaran ketiga. Ada juga pihak yang merungut, kalau duit itu dapat sekali boleh juga digunakan bagi membeli benda-benda tertentu. Bila dapat runcit-runcit mungkin habis begitu sahaja. Tetapi Kerajaan mempunyai jawapan dan mempunyai ketentuan yang bertanggungjawab, yang terpaksa dilakukan mengenai pembayarannya. Tetapi yang kita rasa risau diharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sila ambil perhatian iaitu jangan hendaknya dengan kenaikan gaji yang boleh dikatakan sederhana dan belum begitu lumayan ini menimbulkan pula masalah inflasi. Ada pihak-pihak pula nanti mengambil kesempatan menaikkan segala-galanya

hinggalah kepada keperluan harian dan juga harga minyak.

Syukurlah ada satu perkara baru timbul di negara kita mengenai kegunaan gas dan ini boleh menurunkan sedikit harga gas yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang dikasihi baru-baru ini. Jadinya, kita memang menyanjung tinggi atas pertambahan kewangan itu.

Cuma di Kementerian Luar Negeri; Timbalan Menterinya baru sahaja keluar tetapi saya percaya pegawai-pegawainya ada di sini iaitu di Kememierian Luar Negeri ini, kita ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas daya usaha Kementerian Luar di segala aspek termasuk untuk mendatangkan pelaburan dan pelancongan ke negara kita. Hanya saya ingin membuat saranan supaya kempen-kempen untuk menarik pelancong dan pelaburan yang sehingga ini boleh dikatakan memuaskan dan saya percaya bukah Kementerian Luar sahaja berikhtiar, Perdana Menteri yang kita kasihi juga berjalan ke sana ke mari sehingga sekarang telah menembusi negara Selatan-Selatan untuk membawa pelaburan kembali ke tanahair. Begitu juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terutamanya Dato' Seri Rafidah Aziz juga bekerja keras dan selalu sahaja berada di luar negeri umuk mencari pelaburan bagi meningkatkan perekonomian negara.

Saya hendak menyentuh mengenai daya tarikan untuk melancong ke Malaysia. Kami baru-baru ini telah berpeluang melawat ke seluruh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat dan berpeluang menengok iklan-iklan menarik pelancong melawat ke Malaysia. Di Las Vegas, di Los Angeles, di New York, di Boston dan di Washington umpamanya kita dapati iklan-iklan ini tidak begitu memuaskan lagi dan terlampau sedikit. Dari seluruh Los Angeles kita dapati hanya dua papan iklan atau papan kenyataan yang

diterakan, mungkin harganya mahal barangkali tetapi ada cara lain yang boleh dibuat, diletakkan saui di sebelah selatan Los Angeles dan satu lagi kejalan yang menghalu ke Hollywood. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, iklan kita yang besarnya lebih kurang 12 kaki x 8 kaki ini menggambarkan maskot negara kita iaitu monyet yang kita pun jarang tengok bergantung di satu dahan dengan hutan belukar yang tidak begitu menarik keadaannya dan sedikit air terjun.

Jadi, pada pandangan saya dan kawan-kawan, tidaklah baik kalau ini sahaja yang kita pameran di negara-negara luar untuk mengenal negara kita walaupun maskot kita ialah "orang utan". Tetapi sebenarnya apa yang ada di negara kita ada banyak lagi daya tarikan yang lebih menarik terutama mengenai alam-alam semula jadinya. Jadi melihat daripada sini, di mana-mana kami pergi bila ditanya siapakah kami, dari manakah kami kerana menengok pakaian warna-warni kami, maka bila kami menyebut "Malaysia" ada yang teringat, "oh ya. . ." dalam bahasa Inggeris, "saya nampak satu iklan di sana iaitu ada gambar monyet (monkey)", disebutnya begitu. "Jadi, di negeri kamu ada banyak monkey-monkey? Ada banyak hutan-hutan yang didiami oleh monkey?" Jadi soalan ini menyebabkan kami berasa malu. Seorang kawan saya, seorang lawyer naik marah lalu dia pun membuat penjelasan panjang lebar dan menunjukkan beberapa gambar-gambar kemajuan di negara kita di dalam kumpulan yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rasa hormat dan dengan rasa bangga serta terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Luar Negeri, kami harapkan ia dapat dipertingkatkan. Bukan sahaja di seluruh Amerika, di negara-negara Eropah yang lain juga, umpamanya seperti di negara-negara seperti Holand, Switzerland dan juga di Australia sendiri didapati pengem-

banan kepada daya tarikan pelancongan ini masih melambangkan seolah-olah negara Malaysia ini hutan banat dipenuhi oleh monyet-monyet lua. Bukan monyet muda. Drawing itu, Tuan Yang di-Pertua, the monkey atau Orang Utannya so old, dengan izin. Tua sangat nampaknya. Perut pun buncit sangat. Nampaknya tidak menarik. Kalau saya pun tengok, kalau saya orang Amerika saya pun tidak teringin hendak datang ke Malaysia. Jadi, kita harap perkara ini diambil perhatian walaupun ini ada kaitannya dengan TDC tetapi Kementerian Luar Negeri harap beri perhatianlah.

Saya tidak minta Menteri yang berkenaan menjawab dengan memberikan dalih-dalihan. Apa yang ditegur ini adalah satu teguran yang ikhlas demi unluk menjaga imej negara kita.

Dan apabila kita pergi ke Middle East, negara-negara di Middle East lebih mengenali Malaysia kerana di sana didapati kedutaannya rajin sedikit mengeluarkan phamplets, brochures mengenai Malaysia. Segala-galanya ada dipamerkan termasuk gadis-gadis jelita daripada negara kita ini, buah-buahan, hutannya yang cantik, pantainya yang cantik lagi menarik. Begitu juga mengenai pembangunan-pembangunan yang ada dan juga air-air terjun dan segala pemandangan-pemandangan yang indah yang boleh menarik perhatian terutama kepada mereka yang suka mengembara bersendirian dan membual kajian-kajian sambil belajar.

Kita punya pantai yang berbentuk, yang ada aquarium juga boleh menarik perhatian, yang ada ikan yang cantik-cantik, umpamanya, seperti di Pulau Perhentian atau di Pulau Tioman dan juga di banyak tempat di Terengganu, di Kelantan dan juga di pantai sebelah barat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, diharap dapatlah diberikan perhatian kepada

perkara ini. Sarariannya ialah per-tingkalkan kempen atau penerangan atau penjelasan mengenai daya tarikan pelancong-pelancong daripada negara-negara barat, negara-negara timur dan sekarang kita sudah membuat hubungan baik dengan negara-negara di dalam Kumpulan 15, umpamanya, di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan hubungan dagangan, hubungan pelancong, hubungan persahabatan dengan negara-negara yang berkenaan. Mintalah Kementerian Luar Negeri mengambil bahagian cergas melalui Kedutaan-kedutaan atau wakil-wakil kuasa usaha kita yang ada di negara-negara berkenaan, melipatgandakan daya usaha ini supaya kita boleh menarik pula pelancong-pelancong dari negara-negara Asia Timur ini, terutamanya dari negara-negara di Caracass, Venezuela dan juga negara-negara lain yang berhampiran dengan tempat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin sentuh ialah mengenai Polis Diraja Malaysia. Syabas, Polis juga perlu diberikan perhatian tentang pertambahan kewangan dan apabila baru-baru ini, walaupun ini bukan di bawah Polis yang sebenarnya, tetapi ia di bawah Kementerian Dalam Negeri, iaitu Bahagian Penjara, maka lepaslah 7 orang penjahat-penjahat ternama dan dikerah beribu-ribu orang, 6 hari 6 malam sampai hari ini seorang lagi belum tertangkap. Sudah ditangkap? Ada wartawan di sini? Yang terakhir sudah tertangkap? Jadi perbelanjaan untuk mencari banduan yang tujuh orang itu saya rasa lebih besar daripada kalau ditambah kakitangan, kerana katanya, sebab-musabab mereka itu dapat lari ialah kerana kekurangan kakitangan. Penjara kita penuh sesak, sambutan cukup bagus the best, calon-calon terlampau ramai, maka sampai bersesak-sesak sekali seolah-olah macam ada pesta ria di Dataran Merdeka pula - saya pun pernah melawat, memang betul.

Jadi, daripada kita bilang duit banyak-banyak, buat overtime dan lain-lain, untuk mengadakan duit tambahan untuk mencari orang-orang yang lepas lari, lepas itu memakan korban dan menakutkan orang ramai, maka lebih baik kita tambah lagi duit itu untuk menambahkan lagi kakitangan, khususnya penjara. Cerita banduan lari daripada penjara bukan kali yang keenam, sudah kali yang kedua puluh, kali yang ketiga puluh hingga sampai kepada peristiwa seorang lawyer wanita kena ugut di Penjara Kuantan dahulu pun jawapannya sama juga. Kesesakan ini kerana kekurangan kakitangan. Tiga tahun dahulu itu juga jawapannya. Kita harap di tahun 1992 yang akan menjelang, bukan itu lagi jawapannya. Jawapannya hendaklah dikatakan begini - kena dipertingkatkan daya usaha, daya tangkas, daya cergas kepada mereka yang bertugas itu. Kalau dia menjaga banduan hendaklah dia dilatih dengan sebenar-benarnya supaya dia boleh mengawal banduan, kerana orang-orang kita di Malaysia juga banyak yang handal-handal dan terkenal komando-komandonya sampai ke luar negeri. Jadi, pertingkatkanlah.

Apa yang berlaku saya rasa ialah kerana terlalu leka dan alpha, terlalu confident dan mungkin terlalu bergaya, maka menyebabkan pakaian uniform yang diberi yang besar dikesilkan, maka hendak mengejar pun barangkali tidak dapat kerana kesempitan seluar yang berkenaan itu kemungkinan. Saya nampak sendiri ada uniform-uniform yang diubahsuai, mungkin dengan kebenaran atau tidak dengan kebenaran, itu tidak tahulah saya. Tetapi kebanyakan uniform-uniform Pasukan Keselamatan kita ini kelihatan yengkie-yengkie, ketal-ketat. Tetapi memanglah nampak cantik dan nampak kemas. Saya bimbang kalau pakaian terlalu ketat, dengan tali pinggang, dengan boot dan sebagainya menyebabkan tidak boleh berlari dan kalau kuat berlari akan koyak pula di belakang

atau di depan. Jadi, ini menyebabkan halangan kepada tugas. Ini juga perlu diambil perhatian. Kita malu kerana negara kita yang begitu baik dalam disiplin, tetapi masih ada cerita banduan lari daripada penjara. Pada hal yang lari itu pun bukan tangkas sangat. Saya tengok dalam televisyen, kurus-kurus sahaja, orangnya pun kecil-kecil sahaja. Mudah sahaja untuk dikawal-kalau dijaga dengan baik dan betul. Ini juga teguran yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, dengan dua teguran membina yang ikhlas ini, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita dengan ucapan syabas kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Azumu bin Tak.

4.15 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk bercakap tentang Rang Undang-undang ini dan menyokong supaya ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menghairankan kita adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang baru, sungguhpun Kementerian itu lama tetapi baru disusun semula iaitu banyak rungutan daripada orang ramai kerana ada pejabat-pejabat yang kena-mengena dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Industri masih lagi di dalam Kementerian ini. Saya ingin bertanya, tidakkah Kerajaan ada penyelarasan terhadap ini. Jika Jabatan-jabatan yang berkenaan adalah berkaitan dengan Perdagangan Dalam Negeri, mengapakah ia masih ada lagi di Kementerian Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan pinjaman-pinjaman yang diperuntukkan sebanyak \$10 juta

kepada pelajar-pelajar bagi membayar yuran-yuran pelajaran mereka di universiti, saya memberi sokongan sepenuhnya tetapi syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka ini sentiasa ketat dan biasanya susah untuk diperolehi. Oleh itu saya pohon agar Kerajaan menimbangkan supaya dilonggarkan syarat-syarat dan pemberian itu haruslah diberi dengan agak lebih senang supaya mereka tidak menghadapi masalah tentang pembayaran pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$20 juta diperuntukkan bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kebanyakannya untuk Yayasan Kebajikan Negara. Saya menyokong peruntukan ini, tetapi adakah Kerajaan sedar bahawa apabila pemberian ini disalurkan kepada negeri dan negeri-negeri itu pula menyalurkan sumbangan kebajikan ke daerah-daerah, maka jawatankuasa yang menganggotai badan-badan ini adalah orang tua-tua dan lama-lama dahulu yang dilantik sebelum merdeka tetapi sehingga hari ini mereka masih berkhidmat. Tetapi oleh kerana umur mereka sudah begitu lanjut, perkhidmatan mereka terhadap rumah orang-orang tua dan sebagainya tidaklah begitu berkesan. Oleh itu saya harap supaya Kerajaan mengkaji dengan lebih mendalam lagi apabila menyalurkan bantuan-bantuan yang seumpama ini supaya apabila disalurkan kepada jawatankuasa di daerah itu ianya dapat diberi kepada tempat-tempat yang dimaksudkan.

Adalah diperhatikan bahawa kadangkala jawatankuasa ini menyimpan wang ini dengar tidak tentu arah, dengan tidak ada sebab, oleh kerana mereka itu agaknya sudah lama di dalam jawatankuasa yang berkenaan, maka interest dan minat mereka kurang dan sudah lemah sehinggakan tidak dapat memberi kebajikan seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput wakil Kementerian untuk memberikan jawapan.

Tuan Mustapha bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon dan Yang Berhormat Dato' Azumu kerana mengambil bahagian dalam menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi.

Yang Berhormat Puan Ainon membangkitkan 3 persoalan. Pertamanya ialah berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri di mana telah disuarakan pandangan bahawa dengan kenaikan gaji seperti yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini maka mungkin akan menimbulkan tekanan ke atas harga di dalam negara.

Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan memang mengambilkira tentang kesan kenaikan gaji ke atas inflasi, kerana itulah maka Kerajaan telah mengambil keputusan berkaitan dengan pelaksanaan Skim Sistem Saraan Baru yang diumumkan baru-baru ini. Maka pembayaran tunggakan dan kenaikan gaji yang berjumlah semua sekali \$2.9 ribu juta iaitu \$1.7 ribu juta adalah mengenai bayaran tunggakan dan \$1.2 ribu juta adalah berkaitan dengan kenaikan gaji. Maka Kerajaan telah membuat keputusan untuk memanjangkan tempoh pembayaran.

Jadi, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan memang mengambilkira tentang kesan kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini ke atas keadaan inflasi di negara kita. Dalam pada itu, harus diingatkan bahawa kadar inflasi di negara kita adalah

rendah. Pada tahun ini Kerajaan menjangkakan bahawa kadarnya tidak akan melebihi 4.5% dan pada 10 bulan pertama tahun ini kadarnya hanya 4.4%, Kerajaan penuh yakin bahawa kita akan dapat mengawal inflasi pada kadar 4.5%. Ini semua adalah hasil pelaksanaan dasar-dasarnya Kerajaan termasuklah keputusan untuk memanjangkan, untuk melanjutkan tempoh pembayaran tunggakan dan juga kenaikan gaji yang diumumkan di bawah SSB baru-baru ini.

Selain daripada itu, Kerajaan juga melalui Bank Negara telah melaksanakan dasar-dasar untuk memperketatkan lagi syarat-syarat pembiayaan ataupun, dengan izin, credit. Baru-baru ini Kerajaan telahpun mengambil keputusan untuk memperketatkan syarat-syarat pembiayaan kereta-motor umpamanya. Dengan itu, bekalan wang dalam negara sudah pun berkurangan. Jadi, ini sebanyak sedikit sudah memberi kesan yang baik ke atas usaha Kerajaan untuk mengawal inflasi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri juga dari semasa ke semasa menjalankan siasatan untuk memastikan bahawa kenaikan harga adalah tidak keterlaluan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada barang-barang keperluan asas yang memang merupakan barang-barang kawalan dan bagi barang-barang sedemikian seperti beras, gandum dan gula memang sentiasa diawasi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari semasa ke semasa.

Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon kerana mengingatkan Kerajaan tentang hal ini dan kita akan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa sebarang tindakan yang diambil itu tidak menjejaskan keadaan harga dalam

negara ini dan dengan itu tidak membebaskan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon adalah berkaitan dengan usaha-usaha menarik pelancongan ke negara kita. Mengikut Yang Berhormat Puan Ainon, beliau sudah melawat ke beberapa buah negara khususnya di Amerika Syarikat di mana iklan-iklan yang dipamerkan adalah tidak begitu menarik, sebaliknya Yang Berhormat Puan Ainon menyatakan bahawa iklan-iklan yang dipamerkan di negara-negara Timur Tengah umpamanya sungguh menarik di mana pandangan-pandangan alam semula jadi yang baik, yang indah dipamerkan di dalam iklan-iklan tersebut.

Kerajaan mengucapkan terima kasih atas pandangan ini dan kita menghargai pandangan yang dibuat dan tindakan sewajarnya akan diambil untuk memastikan bahawa negara kita Malaysia ini dipamerkan sebagai sebuah negara yang indah, bukannya sebuah negara di mana terdapat terlalu banyak hutan dan terlalu banyak monyet tua seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon tadi. Jadi, sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon atas teguran membina beliau agar Kerajaan memberi tekanan ataupun memberi perhatian yang lebih untuk meningkatkan lagi daya tarikan pelancong luar negeri untuk melawat ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon adalah berkaitan dengan Polis Di Raja. Perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan peristiwa baru-baru ini yang didedahkan di dalam media massa di mana beberapa orang banduan telahpun melarikan diri mereka

daripada penjara Kajang. Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanan Jabatan Penjara di bawah Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bahawa semua banduan yang berada di semua tempat-tempat tahanan itu adalah dijaga dengan rapi. Walau bagaimanapun, memang sekali-sekala kita tidak boleh mengharapkan bahawa sistem yang kita amalkan itu adalah baik dan berkesan seratus-peratus, tetapi Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon atas saranan Yang Berhormat, umpamanya berkaitan dengan uniform yang dikatakan sempit dan sukar bagi warden-warden kita untuk berlari mengejar banduan-banduan, semuanya akan diambil perhatian oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak membangkitkan dua perkara. Yang pertama berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang ada kaitannya dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Perkara yang dibangkitkan ialah kenapakah beberapa jabatan yang dari segi tanggungjawab, bidang tugas dan fungsinya lebih merupakan tanggungjawab - mengikut pandangan Yang Berhormat Dato' Azumu yang harus dilaksanakan oleh Kememerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Persoalan yang dibangkitkan, mengapakah Jabatan-jabatan demikian tidak dipindahkan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam hubungan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga dibangkitkan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini dan pihak Kerajaan telahpun mendengar pandangan dari Ahli-ahli Dewan Rakyat dan pada hari ini kita mendengar juga pandangan dari Ahli-ahli Dewan Negara, dan sudah pasti apabila

dibangkitkan, maka Kerajaan akan memberikan perhatian kepada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak ialah berkaitan dengan pinjaman kepada penuntut-penuntut universiti. Penuntut-penuntut universiti ini, baru-baru ini sebagaimana kita maklum yuran, universiti telahpun dinaikkan, walaupun tidak banyak sepertimana yang dijangkakan sebelumnya iaitu dalam lingkungan lebih kurang \$1,000 bagi seorang pelajar bagi setiap tahun di setiap universiti, tetapi kenaikan yuran ini mungkin kira-kira daripada \$300 kepada \$1,000, mungkin akan membebankan beberapa golongan pelajar. Oleh kerana Kerajaan peka terhadap masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut yang tak mampu membiayai kenaikan yuran ini, maka ditubuhkan tabung ini, maka Kerajaan menyalurkan peruntukan sejumlah \$10 juta bagi membiayai pinjaman tabung tersebut.

Saranan yang di-buat oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak ialah supaya syarat-syarat pengeluaran pinjaman di bawah tabung ini dilonggarkan kerana pada pandangan Yang Berhormat, syarat-syarat yang ada sekarang adalah ketat. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada saranan ini dan saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan memastikan bahawa setiap penuntut yang layak dibantu akan dibantu. Bermakna Kerajaan akan memastikan bahawa tidak akan timbul kes-kes di mana seseorang penuntut itu tidak dapat meneruskan pengajiannya di universiti semata-mata kerana tidak mampu hendak mtnjelaskan yuran universiti.

Perkara ketiga dan terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak ialah berkaitan dengan sumbangan sebanyak \$20 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya sumbangan ini adalah perlu kerana sebelum diadakan sumbangan ini, kita ada Lembaga Loteri dan Kebajikan Masyarakat yang setiap tahun memberi sumbangan kepada suatu tabung untuk membolehkan Kerajaan mengeluarkan peruntukan bagi membantu mereka yang memerlukannya termasuk orang-orang tua dan orang-orang cacat. Jadi, apabila Kerajaan tidak lagi terlibat dalam loteri ini kerana loteri ini sudahpun ditutup Lembaganya seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, juga diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini, Lembaga itu sudahpun dibubarkan. Dengan itu, maka sumber kewangan yang biasanya diperolehi oleh Kerajaan untuk membiayai kegiatan-kegiatan kebajikan sudah tidak ada lagi. Oleh sebab itulah, maka Kerajaan mengambil keputusan untuk menambahkan sumbangan kepada tabung ini berjumlah \$20 juta. Maka kita perlu menambahkan peruntukan sebanyak itu bagi membolehkan Kerajaan meneruskan kegiatan-kegiatan yang sebelumnya dilaksanakan ataupun dibiayai melalui sumbangan daripada Lembaga Loteri dan Kebajikan Masyarakat.

Saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu ialah yang pertamanya beliau ingin memastikan bahawa bantuan itu disalurkan dengan cara yang betul dan ditimbulkan masalah di mana ahli-ahli jawatankuasa badan-badan ini di peringkat daerah terutama sekali adalah terdiri daripada orang-orang yang lama. Apakah bermakna orang lama ini tidak ada sumbangan tetapi daripada perbincangan tadi mungkin Yang Berhormat Dato' Azumu kurang puas hati dengan cara bantuan ini disalurkan buat masa ini.

Kerajaan mengambil perhatian tentang cadangan itu dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan mengambil langkah-

langkah yang perlu bagi memastikan bahawa sumbangan yang dikeluarkan daripada Yayasan Kebajikan Negara akan menepati sasarannya dan kita akan mengemukakan rasa kurang puas hati Yang Berhormat Dato' Azumu kepada pihak yang berkenaan bagi memastikan tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon dan juga Yang Berhormat Dato' Azumu Tak atas saranan-saranan mereka yang membina dan semuanya itu akan diambil perhatian oleh Kerajaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mustapha bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujui tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) (No. 2) 1991 dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SEWA-BELI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 bagi mengemas dan memperkukuhkan lagi peruntukannya untuk memberi perlindungan tambahan kepada penyewa, pemunya dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam perjanjian sewa-beli. Pindaan-pindaan ini akan menjelaskan hak kewajipan dan tanggungan masing-masing yang akan seterusnya melicinkan pentadbiran aktiviti sewa-beli.

Untuk maklum Dewan yang mulia ini, Akta Sewa Beli 1967 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1968 bagi mengawal-selia kandungan perjanjian sewa beli dan menjelaskan hak kewajipan dan tanggungan penyewa, pemunya dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perkara sewa-

beli. Akta ini dipinda dalam tahun 1976 untuk memansuhkan peruntukan mengenai penguatkuasaan. Kini Akta tersebut perlu dipinda bagi mengatasi kelemahan yang terdapat hasil daripada kajian yang dijalankan, aduan-aduan yang diterima dan juga pengalaman penguatkuasaan Akta ini.

Di samping itu, pihak-pihak yang berkepentingan dalam perkara ini telah juga mengemukakan cadangan-cadangan pindaan seperti Persekutuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, Persekutuan Syarikat-syarikat Sewa-beli Malaysia, Persekutuan Persatuan Motor dan Kredit Malaysia, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sewa-beli 1967 ialah dikaji pada keseluruhannya supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan dapat memberi perlindungan yang lebih adil kepada bukan sahaja penyewa tetapi juga kepada pemunya terutamanya dalam bidang pengambilan semula milik barang atau, dengan izin repossession. Denda dan penalti yang lebih berkesan juga diwujudkan sekiranya gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Akta terutamanya peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan perkara asas seperti menghantar kepada penyewa Jadual Kedua yang telah dilengkapkan. Di bawah Akta sekarang, kegagalan pihak pemunya menghantar Jadual Kedua kepada Akta tidaklah merupakan suatu kesalahan.

Di antara pindaan-pindaan substantive yang dicadangkan adalah mengenai skop Akta. Di bawah Akta yang sedia ada, perlindungan hanya diberi kepada barang-barang tertentu sahaja. Memandangkan pembelian secara sewa-beli sudah menjadi satu aspek kehidupan rakyat di negara ini, maka pindaan dibuat kepada Seksyen 1 (2) supaya skop Akta diperluaskan untuk merangkumi semua barangan

pengguna di samping kenderaan bermotor.

Pindaan yang substantive juga dibuat terhadap Seksyen 4 Akta yang bertujuan memperkemarkan prosedur transaksi sewa-beli. Masalah utama yang sering ditimbulkan dalam sesuatu transaksi sewa-beli ialah ketidak-upayaan seseorang penyewa mengetahui tuan punya sebenar barang yang disewanya. Pada teorinya sesuatu perjanjian sewa-beli ditandatangani oleh penyewa dan tuan punya barang iaitu syarikat kewangan. Tetapi pada praktiknya urusan sewa-beli dilakukan di antara penyewa dan dealer iaitu orang tengah yang mencari punca kewangan untuk membiayai kos barang. Dalam banyak kes, bakal penyewa tidak mengetahui bakal pemunya sebelum perjanjian sewa-beli ditandatangani.

(Tuan Adam bin Kadir
mempengerusikan Mesyuarat)

Berikutan dengan ini limbuk masalah wang pendahuluan atau deposit serta wang ansuran bulanan dilarikan oleh dealer. Adakalanya perbuatan ini tidak disedari oleh penyewa sehinggalah hampir selesai tempoh penyewaan yang telah ditetapkan. Penyewa mengalami dua kerugian, iaitu kehilangan wang ansuran dan barang yang disewa kerana pemunya sebenar akan mengambil semula milik barang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini juga timbul masalah penipuan dalam mengisi borang perjanjian sewa-beli, terutamanya yang berkaitan dengan harga tunai, faedah yang dikenakan dan wang pendahuluan. Ini berlaku kerana penyewa menandatangani borang kosong memandangkan pada tahap ini dealer masih belum lagi dapat mengenalpasti pemunya sebenar barang.

Oleh itu timbul keadaan di mana terdapat perbezaan bulir-butir

perjanjian yang diberikan kepada penyewa sebelum dan selepas perjanjian dibuat. Amalan membayar 'wang kopi' atau 'football money', dengan izin, kepada dealer untuk mempercepatkan tindakan mendapat sumber kewangan juga berlaku.

Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, maka pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 4 Akta akan mewajibkan pemunya atau sesiapa sahaja yang mewakilinya memberi notis seperti Jadual Kedua Akta yang mengandungi butir-butir terperinci tanggungan kewangan penyewa. Dalam kes dealer, ia dikehendaki juga memberikan kepada bakal penyewa, Bahagian II Jadual Kedua, iaitu dokumen yang membuktikan bahawa ia telah mendapat keizinan daripada pemunya barang untuk urusan sewa beli. Pemberian notis tidak mewujudkan obligasi kepada penyewa untuk memasuki sesuatu perjanjian sewa beli.

Tujuan notis adalah supaya bakal penyewa mengetahui bakal pemunya di samping menjadi bahan rujukan oleh penyewa apabila perjanjian sewa beli dimeteraikan, iaitu butir-butir dalam perjanjian seharusnya tidak berbeza daripada yang terkandung dalam notis. Oleh kerana ini adalah satu perkara asas yang perlu dipenuhi oleh pemunya, kegagalan memenuhinya adalah satu kesalahan yang boleh didenda \$3,000 atau 6 bulan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dibuat berkaitan dengan pengambilan semula milik barang. Peruntukan yang ada sekarang tidak mencukupi untuk mengatasi untuk mengatasi masalah apabila penyewa meninggal dunia. Tanpa letters of administration di pihak penyewa, pemunya tidak boleh mengambil semula milik barang dan dalam pada itu tidak pula menerima bayaran ansuran.

Pindaan yang dicadangkan adalah bahawa memandangkan mendapatkan

letters of administration mengambil masa, maka peruntukan baru dicadangkan bagi membolehkan pemunya mengambil semula milik barang sekiranya ansuran tidak dijelaskan selama empat bulan. Masa ini dianggap cukup untuk waris-waris penyewa membuat keputusan sama ada menyambung atau menamatkan perjanjian sewa beli, sementara menunggu letters of administration.

Peruntukan baru Seksyen 16A diadakan supaya penyewa dikecualikan daripada kos-kos tertentu seperti cost of repossession, cost incidental to taking possession and cost of storage, sekiranya tidak melonggarkan penghantaran barang setelah notis pengambilan semula milik diberikan. Ini disebabkan peruntukan yang sedia ada tidak menentukan kos-kos yang berkenaan.

Seksyen baru 18(4) juga diwujudkan untuk melindungi hak penyewa di mana selepas pengambilan semula milik barang berlaku, pemunya dikehendaki memberi option kepada penyewa untuk membeli barang terdahulu pada harga yang ditetapkan oleh pemunya sebelum dijual kepada orang lain. Ini bertujuan mengelakkan pemunya, under value, dengan izin, harga barang-barang ataupun menjualkan dengan harga yang murah kepada sekutu-sekutunya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baru juga diwujudkan supaya tiap-tiap barang yang dibeli perlu mempunyai perjanjian yang berasingan kecuali barangan yang ada hubungan atau complementary untuk mengatasi masalah pengagihan bayaran apabila penyewa tidak mampu untuk membayar ansuran sepenuhnya pada sesuatu masa bagi semua barang. Beberapa definisi baru seperti "consumer goods", "Controller", "Deputy Controller", "Assistant Controller", "Minister" dan "prescribed" juga diwujudkan.

Di samping ini kuasa perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa juga

diperturunkan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri yang berkenaan memandangkan fungsi ini merupakan lebih administrative daripada judicial.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi mengemaskan dan memperkukuhkan lagi peruntukan-peruntukan Akta Sewa-Beli 1967 untuk memberi perlindungan tambahan kepada semua pihak yang terlibat di dalam perjanjian sewa-beli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah soal Akta untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Dato' Azumu.

4.48 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memberitahu kepada kita bahawa pindaan ini dibuat disebabkan banyak aduan-aduan dilerima daripada pengalaman dan juga aduan-aduan yang diterima daripada pengguna-pengguna dan juga syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat sewa beli dan sebagainya. Dan ini membuktikan kepada kita bahawa Kerajaan sentiasa mendengar pendapat-pendapat orang ramai untuk memastikan supaya pentadbiran Kerajaan berjalan dengan baik dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan yang dibuat ini, soalan pertama yang saya ingin bertanya, kenapakah surat-surat atau borang-borang yang terpaksa diisi oleh pembeli yang dibekalkan oleh penjual masih lagi digunakan dalam bahasa Inggeris? Walhal perkara-perkara yang disebutkan di dalam ini adalah perkara simple, yang senang, yang boleh diketahui oleh pembeli ataupun penjual.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala penjual inipun bukan pandai sangat berbahasa Inggeris. Dan apabila pindaan seumpama ini hendak dibuat sepatutnya perkara yang senang seperti ini tidak seharusnya ditentukan dalam bahasa Inggeris kerana tidak ada membabitkan undang-undang yang tidak boleh diketahui dengan Bahasa Kebangsaan kita.

Di mahkamah pun seperti Tuan Yang di-Pertua ketahui, sekarang ini semuanya bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Maka saya agak Kerajaan sudah berpaling ke belakang, bukan memandang ke hadapan terhadap pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, penjual juga dikehendaki memberi kenyataan kira-kira sebelum penjualan dibuat. Saya cadangkan supaya pengiraan interest itu juga ditunjukkan di dalam borang-borang yang berkenaan, bagaimana kiraan bunga itu dibuat supaya diketahui oleh semua pihak. Kadangkala cara pengiraan ini diputarbelitkan oleh penjual dan orang-orang kampung tidak mengetahui bagaimana ianya dikira, cuma disebutkan "ini adalah bunga dan awak terpaksa bayar." Pembeli yang tidak mengetahui membayar begitu sahaja. Oleh itu, ada baiknya supaya cara mengira interest juga ditunjukkan kalau ianya 5%, lima kali berapa misalnya \$2,000 bahagi dengan \$365 dan sebagainya, ditunjukkan di dalam statement itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa Kerajaan sedar apabila pindaan ini dibuat, ada apa yang dipanggil wang kopi atau "Football money". Kerajaan telah sedar ini begitu lama, kenapakah tidak ada satu tindakan diambil oleh Kerajaan di masa yang lalu dan juga sehingga hari ini, sehinggakan pindaan undang-undang baru dibuat? Ini bermakna pada masa-masa yang lalu "football money" ini dibenarkan oleh Kerajaan walhal ianya adalah satu cara rasuah yang kita tidak harus benarkan. Jika Kerajaan sedar ini ialah lama berlaku, kenapakah didiadakan sahaja? Inilah yang menjadi masalah kita dan saya harap dengan adanya pindaan ini di masa-masa yang akan datang, ianya tidak berlaku lagi tetapi jika ianya berlaku, apakah cara-cara Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, soal "repossession" atau pengambilan balik harta terhadap baik orang yang masih hidup ataupun meninggal dunia adalah juga menjadi satu masalah. Pihak penjual ini biasanya ada menggajikan pekerja-pekerjanya tetapi orang-orang yang jahat, dengan izin, saya katakan "gangsters", dan mereka inilah yang menjadi-jadi sangat mengambil tindakan sebegitu cara yang tidak menyenangkan hali dan begitu keras caranya. Kadangkala, seperti Tuan Yang di-Pertua mungkin tahu, menggunakan gangsters ini untuk mengugut, membunuh pun ada dan sebagainya. Saya agak Kerajaan juga sedar tentang perkara ini tetapi tidak ada juga satu tindakan yang kita dengar yang sudah diambil oleh Kerajaan. Kenapakah ini boleh berlaku? Kita menganiaya orang ramai terhadap masalah seumpama ini.

Juga di dalam pindaan Rang Undang-undang ini disebutkan terhadap pengambilan balik harta terhadap orang-orang yang meninggal dunia mestilah mengambil keputusan di dalam masa 4 bulan. Di dalam masa 4 bulan ini diharapkan bahawa "letters of administration" dapat diselesaikan oleh

keluarga yang berkenaan. Kita semua tahu bahawa hendak mengambil "letters of administration" ini mengambil masa yang panjang. Kerajaan ialah memberitahu kita bahawa ianya akan mengambil masa tetapi dalam 4 bulan itu boleh diambil keputusan. Ini bermakna bahawa Kerajaan sedar bahawa hendak mengambil "letters of administration" itu mengambil masa yang panjang, maka keluarga yang berkenaan mesti mengambil keputusan di dalam masa 4 bulan. Jika Kerajaan sedar bahawa hendak mengambil "letters of administration" itu akan mengambil masa yang panjang, maka kita juga harus memberi masa kepada keluarga ini, bukan sahaja 4 bulan tetapi ambil masa sehingga "letters of administration" itu siap, baru boleh diambil balik barang yang tidak dibayar ansuran itu. Kita tahu kesilapan kita tetapi kita hendak menyusahkan orang juga. Ini maksud pindaan Rang Undang-undang ini, kenapakah ini berlaku walhal ianya senang sangat, dari 4 bulan itu dilanjutkan kt setahun, apa salahnya?

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar sekali lagi berkenaan dengan perkara sewa-beli ini ialah pengambilan balik yang dibuat oleh syarikat-syarikat kewangan ini yang biasanya apabila diambil balik, misalannya kereta, ianya dijual kepada orang ramai sepatutnya diiklankan dan sebagainya tetapi kerap kali berlaku bahawa penjualan itu dibuat di antara mereka di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan. Tidak ada pengumuman dibuat yang kereta-kereta itu akan dijual. Dan mengikut pindaan ini, opsyen akan diberi kepada pemunya yang asal untuk membeli balik kereta itu ataupun dijual oleh pihak finance company. Tetapi masalahnya yang saya katakan tadi adalah syarikat kewangan ini mengambil peluang daripada pengambilan semula, kereta itu dan menjualkan kepada kakitangan mereka ataupun sahabat-handai mereka dengan harga yang paling murah, yang tidak

sepatutnya dijual dengan harga yang sedemikian. Dan ini juga Kerajaan menjaga kepentingan ini dan ini saya memberi kepujian dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Fasa 3 berhubung dengan perlantikan Pengawal Sewa-Beli dan juga Timbalan Pengawal dan sebagainya yang akan dilantik oleh Kerajaan dan ada Jabatan yang menjaga perkara ini, saya ingin memuji Kerajaan kerana ini amat sangat baik sekali. Tetapi saya harap supaya Jabatan ini juga di dalam urusan pentadbirannya supaya tiap-tiap perjanjian yang ditandatangani oleh pembeli itu satu salinan hendaklah diberi kepada Jabatan ini dan Jabatan ini hendaklah mengikut dengan sepenuhnya semua pembelian-pembelian, semua pembayaran ansuran dan sebagainya, "football money" sama ada berlaku ataupun tidak supaya ianya dapat diselaraskan dan dapat dijaga kepentingan pembeli-pembeli ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hairan kenapa surat-surat perjanjian dan borang-borang yang disebut di dalam undang-undang ini masih ditulis dalam bahasa Inggeris? Saya berharap Kerajaan akan dapat menjawabnya. Terima Kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ada lagi Ahli-ahli yang Berhormat? Kalau tidak....

Tuan Rahim bin Baba: (*Bangun*)

Tuan Adam bin Kadir: Sila, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.55ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama membincangkan suatu Akta untuk meminda Akta Sewa-Beli 1967. Pertamaanya, setelah

meneliti Akta yang akan dipinda, saya dapati tiada pindaan dibuat mengenai interest yang akan dikenakan oleh pihak penyewa ataupun tuannya kepada pihak penyewa. Biasanya, pada masa sekarang, faedah yang dikenakan adalah secara flat rate, iaitu kalau kita membeli satu barangan dengan harga \$10,000 dan kalau dikira faedahnya 10%, dan kalau pinjaman selama 5 tahun, faedah yang akan dikenakan adalah 50%. Pada hal pembayaran yang dibuat oleh pihak penyewa, mereka ini membayar tiap-tiap bulan. Sepatutnya, faedah yang dikenakan adalah secara sliding scale ataupun secara monthly balance, dengan izin, dan bukannya secara flat rate seperti yang dikenakan pada masa sekarang. Kerana kalau kita kumpulkan faedah yang dikenakan oleh pihak finance companies ataupun syarikat-syarikat kewangan ini walaupun kadangkala faedah yang dikenakan hanya 7% ataupun 8% tetapi pada hakikatnya, setelah diambilkira 5 tahun, bermakna faedah yang dikenakan terlalu tinggi dan saya percaya di sinilah keuntungan besar yang telahpun diterima oleh pihak syarikat-syarikat kewangan ini.

Yang keduanya, saya dapati dalam pindaan ini juga akan memasukkan seksyen baru 16A di mana kalau barang yang disewa itu dikembalikan, seseorang itu tidak dikenakan cost of repossession, dengan izin, dan juga kos-kos yang lain. Biasanya pada masa sekarang, tidak ada kos yang standard yang dikenakan apabila bouncers menarik balik kereta ataupun barang-barang yang kita beli secara sewa-beli tetapi hanya mengikut sukahati pihak syarikat kewangan yang berkenaan.

Tuan Adam bin Kadir: Bouncer itu samalah juga dengan gangsters yang Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak kata tadi serupa.

Tuan Rahim bin Baba: Saya tidak tahulah sama ada gangsters dengan bouncer ini sama. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata itu sama, samalah.

Mereka ini mengenakan kos yang tidak standard dan saya berharap supaya pihak Kementerian juga akan memikirkan supaya kos-kos yang dikenakan ini adalah berpatutan, ada had (ceiling) yang akan dikenakan. Kadangkala, the cost of storage sampai \$20 ataupun \$50 satu hari. Kalau kereta-kereta yang ditarik balik itu, kadangkala sampai \$50 satu hari dikenakan kepada pihak yang menyewa sesuatu barang yang ditarik balik tadi.

Yang keduanya ialah saya mengucapkan terima kasih kerana sekarang ini Kerajaan mengadakan Pengawal, Timbalan Pengawal dan juga sebagainya. Kerana apabila sesuatu barang itu ditarik balik, umpamanya kita ambil sebagai contoh kalau sebuah kenderaan ditarik balik, tidak ada jaminan bahawa kenderaan yang ditarik balik oleh pihak penyewa ataupun pihak pemilik tadi, tidak akan berlaku cannibalisation, dengan izin, tentang bahagian-bahagian daripada kenderaan-kenderaan yang ditarik balik tadi.

Saya berharap supaya pihak Kerajaan, Pengawal dan juga Timbalan Pengawal yang akan dilantik oleh pihak Kerajaan ini akan memastikan bahawa perkara-perkara ini akan diambil perhatian supaya tidak akan berlaku kerugian kepada pihak penyewa kerana dalam banyak keadaan apabila seseorang itu, kenderaannya ditarik balik oleh pihak finance company ataupun syarikat-syarikat kewangan, biasanya tidak ada pihak yang akan bertanggungjawab dari segi keadaan kenderaan ataupun sesuatu barang yang ditarik balik tadi.

Jadi, dengan adanya Pengawal dan juga Timbalan Pengawal ini diharapkan ianya akan memastikan supaya keadaan sesuatu barang ataupun kenderaan yang ditarik balik tadi akan berada di dalam keadaan yang selamat dan juga apabila hendak dijual dan sebagainya, kenderaan ataupun barang yang ditarik balik tadi berada dalam keadaan seperti semasa ianya ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, cuma ilu sahajalah yang dapat saya ulas mengenai pindaan Rang Undang-undang iaitu meminda Akla Sewa-Beli 1967. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Ada lagi? Kalau tidak ada, saya minta Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan memberi jawapan. Dipersilakan.

5.03 ptg.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dalam ucapan perbahasannya beberapa perkara yang sememangnya pun telah disedari oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kerajaan, dalam masa menyemak semula keperluan untuk meminda Akta Sewa Beli 1967. Oleh kerana itu Kerajaan pun telah bercadang meminda akta tersebut.

Saya mengucapkan terima kasih oleh kerana perkara-perkara dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah teguran, cadangan yang begitu konstruktif yang mana saya percaya diambilkira dan diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam usaha kita untuk bukan sahaja memastikan bahawa perdagangan dalam negeri pada keseluruhannya akan berkembang dan maju dengan pesat dan sihat. Dari segi penggunaannya, hak-hak pengguna, keistimewaan pengguna akan dijamin dan juga para pengguna sendiri akan dididik untuk terus memainkan peranan bersama-sama dengan pihak Kerajaan untuk menjamin perdagangan dalam negeri bukan sahaja berkembang tetapi akan berjalan dengan sihat juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan mengapakah borang-borang sewa-beli masih lagi menggunakan

bahasa Inggeris, maka pandangan Peguam Negara ialah mengikut Perlembagaan Persekutuan walaupun Bahasa Kebangsaan ialah bahasa rasmi, adalah dimaklumkan bahawa penggunaan bahasa-bahasa lain tidak dihadkan di sektor swasta mengikut Perkara 152 (1)(a) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, dengan izin:

"Provided that -

- (a) no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language;"

Ini bermakna, kontrak-kontrak yang ditandatangani antara individu-individu adalah dikira sebagai private use dan bukan official use.

Berkenaan perkara wang kopi atau 'football money', maka seperti di dalam ucapan saya tadi, memang telah dijelaskan bahawa pihak Kerajaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandang serius dalam usaha untuk menghapuskan kegiatan bayaran 'football money' atau wang kopi yang dianggap sebagai satu yang tidak sihat.

Jadi, peruntukan baru 36A adalah bertujuan untuk mengelakkan pemunya di dalam Jadual Kedua. Contohnya, pembayaran duit kopi. Maka jelasnya tentang apa yang akan dibayar dan terms of contract yang akan ditawarkan. Ini akan memberi satu gambaran yang lebih terang dan jelas kepada bakal penyewa.

Berkenaan perkara empat bulan yang tidak mencukupi untuk waris-warisan seseorang penyewa yang telah meninggal dunia untuk meminta letters of administration, maka saya ingin menjelaskan bahawa empat bulan yang telah ditetapkan di bawah pindaan ini

adalah masa yang diberikan kepada waris-warisan untuk membuat keputusan sama ada mereka akan meneruskan dengan bayaran ansuran atau mereka ingin menamatkan perjanjian sewa-beli yang telah ditandatangani oleh bekas-bekas penyewa itu.

Jadi, empat bulan ini bukan masa yang diberi untuk mereka mendapatkan letters of administration. Sebenarnya empat bulan ini adalah untuk masa yang cukup diberi kepada para warisnya untuk membuat ketetapan, sama ada mereka akan meneruskan dengan bayaran ansuran atau menamatkan perjanjian sewa-beli itu. Kalau mereka buat keputusan bahawa mereka akan teruskan dengan bayaran ansuran, maka mereka boleh mengambil masa mereka sendiri untuk meminta letters of administration. Jikalau mereka ini tidak ingin untuk meneruskan dengan perjanjian sewa-beli itu, maka pindaan dalam Akta itu memberikan kuasa atau hak untuk pemunya mengambil semula milik barang yang berkenaan.

Berkaitan dengan perkara dalam masa tawaran atau memberi notis, adakah termasuk pengiraan interest ditunjukkan dalam notis atau borang itu, maka peruntukan baru di Jadual Ketujuh adalah jelas bahawa cara kadar faedah akan diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara repossession terhadap orang yang masih hidup atau telah meninggal dunia yang mana mereka menggunakan bouncer atau orang yang ganas dan garang, maka peraturan-peraturan untuk mengambil semula milik barang-barang di bawah perjanjian sewa-beli adalah diperuntukkan di bawah Peraturan Sewa-Beli (Pengambilan Semula Milik dan Penyenggaraan Rekod-rekod oleh Pemunya) 1976. Di bawah peraturan-peraturan ini, tuannya atau agen-agenya hendaklah

mematuhi syarat-syarat di dalam peraturan tersebut semasa mengambil semula milik barangan tersebut dan kegagalan mematuhinya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah apa yang saya dapat jawab atau memberi penjelasan sepertimana saya nyatakan tadi. Segala pandangan dan teguran yang konstruktif memang akan diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam usaha kita menjalankan tugas untuk melindungi hak-hak para pengguna. Jadi, bagi soalan-soalan dan isu-isu yang lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jamin semuanya akan diberi perhatian yang lelili oleh Kementerian. Sekian.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Adam bin Kadir
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasa 1 hingga 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG RELIF SPESIFIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Relif Spesifik (Pindaan) 1991 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 7 Akta Relif Spesifik 1950 untuk memberi perlindungan yang cukup kepada penyewa-penyewa daripada diusir oleh luan-tuan tanah, kecuali melalui proses undang-undang.

Dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang.

Seksyen 7 Akta Relif Spesifik 1950 sekarang ini memperuntukkan bahawa seseorang yang berhak kepada pemilikan harta, tak alih spesifik boleh mendapatkannya kembali dengan cara yang ditetapkan oleh undang-undang yang berhubung dengan prosedur sivil. Walaupun peruntukan ini menyebut mengenai undang-undang prosedur sivil, mahkamah telah memutuskan bahawa peruntukan tersebut tidak menghapuskan usaha sendiri remedi common law yang menurut mahkamah adalah satu remedy yang sentiasa boleh digunakan, melainkan jika ia dicekualikan dengan nyata.

Oleh itu, tuan tanah mempunyai pilihan sama ada untuk membawa prosiding di mahkamah atau menggunakan usaha sendiri dan, sekiranya perlu dengan menggunakan kekerasan yang munasabah. Beberapa pihak telah memandang berat tentang implikasi

sosial yang akan timbul sekiranya tuan-tuan tanah berusaha sendiri untuk mengusir penyewa dengan menggunakan kekerasan yang dikatakan munasabah.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji keperluan dan kemungkinan menggubal satu rang undang-undang bagi melindungi penyewa-penyewa daripada diusir oleh tuan-tuan tanah. Keputusan telah dibuat bahawa perkara itu hendaklah dirujuk kepada pihak berkuasa Persekutuan sebab sebarang pindaan perundangan perlu dibuat di peringkat Persekutuan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merujuk perkara itu kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan telah memperolehi nasihat Jabatan Peguam Negara mengenai cadangan pindaan kepada Seksyen 7, Akta Relif Spesifik 1950.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan undang-undang yang ada sekarang, terdapat dua cara bagaimana tuan tanah boleh mendapatkan kembali harta takalih daripada penyewa; iaitu tuan tanah boleh mempunyai pilihan sama ada untuk membawa prosiding di mahkamah atau menggunakan usaha sendiri dan, sekiranya perlu, dengan menggunakan kekerasan yang munasabah. Ini bererti bahawa tuan tanah tidak diwajibkan supaya membawa prosiding di mahkamah. Dia hanya perlu memberikan notis keluar dan sekiranya penyewa enggan keluar, tuan tanah mempunyai pilihan untuk mengusir penyewa itu dengan sendiri dan boleh juga menggunakan kekerasan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi-implikasi sosial yang berat akan timbul sekiranya tuan-tuan tanah berusaha sendiri untuk mengusir penyewa dari tempat tinggal atau tanah mereka dengan menggunakan apa yang

dikatakan sebagai kekerasan yang munasabah. Ia boleh mengancam keselamatan dan juga membahayakan diri mereka yang terlibat.

Untuk meringankan kesusahan yang dihadapi oleh penyewa apabila diusir dengan kekerasan oleh tuan tanah dan juga untuk mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan, tuan tanah patutlah diwajibkan membawa prosiding di mahkamah supaya tanah ataupun harta takalih yang ialah disewakan adalah didapatkan kembali melalui proses undang-undang yang teratur.

Remedi usaha sendiri yang membolehkan tuan tanah mengusir penyewa dengan sendiri serta menggunakan kekerasan yang munasabah adalah remedi di bawah Common Law Inggeris yang kini telah dihapuskan melalui Akta Parlimen di England, misalnya, Protection from Eviction Act 1977. Di India pula, Mahkamah telah memutuskan bahawa remedi Common Law itu telah dihapuskan oleh peruntukan-peruntukan Indian Specific Relief Acts, 1877 dan 1963. Oleh itu remedi usaha sendiri yang sedemikian adalah merupakan Remedi Common Law Inggeris yang lama yang tidak lagi terpakai di negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini tidaklah terlalu menyekat terhadap tuan tanah kerana ia mewajibkan tuan tanah supaya mendapatkan perintah Mahkamah dalam keadaan di mana tanah atau harta takalih itu telah disewakan dan tidaklah menyertuh keadaan di mana tanah atau harta takalih itu telah dimasuki oleh penceroboh, dengan izin, trespasser.

Dalam hal trespasser, remedi usaha sendiri itu tidaklah dihapuskan walaupun haruslah juga ditekankan bahawa pilihan usaha sendiri itu tidaklah digalakkan dan sebaik-baiknya tuan tanah patutlah membuat pilihan untuk

mendapatkan perintah Mahkamah. Seseorang yang pada asalnya memasuki tanah atau harta takalih itu sebagai penyewa adalah dibezakan dengan seseorang yang daripada asalnya memasuki tanah atau harta takalih itu sebagai trespasser. Seseorang yang telah memasuki tanah atau harta takalih itu sebagai penyewa adalah memasukinya dengan cara yang sah di sisi undang-undang dan oleh itu haruslah diberi perlindungan undang-undang daripada diusir keluar kecuali melalui proses undang-undang.

Subseksyen 2 seksyen 7 baru yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini bertujuan menghapuskan usaha sendiri dalam hal keadaan di mana harta takalih spesifik itu telah disewakan dan penghuni itu masih terus mendudukinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Relif Spesifik 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada perbincangan. Jadi saya minta Setiausaha Parlimen berkenaan, sila.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada komen.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak ada apa-apa komen ya. Baiklah, kalau macam itu, saya teruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Adam bin Kadir
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasa 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Adam bin Kadir: Silakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar sosial Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat prihatin bagi rakyat Malaysia dan dalam usaha meningkatkan lagi perlindungan dan faedah keselamatan sosial bagi pekerja-pekerja yang menjadi tulang belakang ekonomi di negara kita, Kementerian Sumber Manusia telah dengan jayanya memperbaiki lagi skim keselamatan sosial yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Ini telah dilakukan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke

semasa yang mana merupakan satu amalan berterusan yang biasa diikuti oleh Kementerian Sumber Manusia. memandangkan sifat dinamis Skim Keselamatan Sosial dan bagi menentukan pencapaian operasi Skim Keselamatan Sosial yang lancar dan optimum serta memenuhi keperluan semasa pekerja-pekerja dan keluarga mereka bagi keselamatan sosial yang lebih baik dan sempurna disebabkan perubahan keadaan sosio-ekonomi dan harapan serta aspirasi mereka yang kian meningkat.

Dalam konteks Malaysia yang sedang bertindak bersungguh-sungguh untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara yang penuh maju sejajar dengan Wawasan 2020, Skim Keselamatan Sosial memainkan peranan penting dalam membantu Kerajaan dan rakyat Malaysia mencapai matlamat itu. Kearah dan berpandu kepada Wawasan 2020 itu, Kementerian Sumber Manusia sentiasa bersedia dan peka kepada keperluan dan permintaan pekerja-pekerja bagi memperuntukkan perlindungan keselamatan sosial yang baik, sesuai dan maju selaras dengan perubahan yang kian meningkat.

Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 kali ini adalah hasil dari pandangan luas, balasan sensitif dan pendekatan pra-aktif terhadap keperluan semasa pekerja, majikan dan Kerajaan demi mencapai matlamat Wawasan 2020, satu negara yang penuh maju yang terkandung dengan masyarakat berprihatin. Dalam hubungan ini perluasan liputan keselamatan sosial kepada lebih banyak perusahaan dan pekerja dan perluasan skop bencana kerja untuk meliputi kemalangan pergi dan balik kerja, dan dicadangkan kali ini adalah memang wajar dan kena pada masanya.

Sebelum ini Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja berinsurans dan

tanggungan-tanggungan mereka apabila berlaku kejadian-kejadian luar jangka bencana kerja, keilatan dan kematian akibat daripada sebarang sebab kepada pekerja-pekerja itu melalui dua, skim insurans sosial, iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat telah dipinda sebanyak empat kali pada tahun 1979, 1980, 1984 dan 1987 yang mana tiga daripadanya bertujuan untuk memperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan program perindustrian Kerajaan yang begitu pesat, keperluan memberi perlindungan keselamatan sosial yang lebih luas kepada pekerja telah menjadi lebih ketara. Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Manusia sentiasa menilai skim PERKESO dengan tujuan untuk memperbaikinya lagi dan memperluaskan liputannya supaya faedah-faedahnya dapat dinikmati oleh sebahagian besar kaum pekerja di negara kita.

Kementerian Sumber Manusia juga sedar bahawa pihak pekerja telah melahirkan beberapa pandangan dan cadangan terhadap perjalanan skim-skim PERKESO itu. Dalam hubungan ini, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada semua pandangan dan cadangan itu. Sudah tentulah tidak semua cadangan itu dapat dilaksanakan dengan serta-merta ataupun dapat diterima sepenuhnya oleh Kementerian Sumber Manusia. Ini ialah kerana Kementerian Sumber Manusia terpaksa menimbangkan terlebih dahulu bukan sahaja kepentingan kaum pekerja, tetapi juga kepentingan pihak lain yang terlibat sama dan akhirnya kepentingan negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan antara lain untuk memperluaskan skop liputan Akta

Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan memperbaiki lagi struktur faedah dan pelaksanaan skim-skim PERKESO. Rang Undang-undang ini mencerminkan komitmen dan usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan lagi keselamatan sosial pekerja-pekerja negara kita.

Sekarang izinkan saya menjelaskan beberapa aspek penting Rang Undang-undang ini:

- (1) Pada masa ini Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 hanya terpakai pada semua perusahaan yang menggaji lima orang pekerja atau lebih tanpa mengambil kira gaji mereka dan perusahaan-perusahaan yang mengurangkan orang yang digajikannya kepada kurang daripada 5 selepas layak diliputi.

Untuk membolehkan lebih ramai lagi pekerja mendapati perlindungan keselamatan sosial, adalah dicadangkan Akta itu dipinda supaya pemakaiannya dapat diperluaskan untuk meliputi semua perusahaan yang menggaji seorang pekerja atau lebih. Dengan pindaan ini pekerja-pekerja yang telah menyertai skim-skim PERKESO akan juga mendapat perlindungan yang berterusan memandangkan semua perusahaan akan diliputi oleh Akta itu.

Pada masa ini terdapat keadaan di mana seorang pekerja yang telah dilindungi di bawah skim-skim PERKESO kemudiannya kehilangan perlindungan kerana bertukar pekerjaan dari perusahaan yang diliputi oleh Akta itu kepada perusahaan yang tidak diliputi oleh Akta itu.

- (2) Liputan pekerja pada masa ini terhad kepada pekerja-pekerja yang bergaji \$1,000 sahaja atau kurang sebulan dan pekerja-pekerja yang bergaji melebihi \$1,000 sebulan selepas layak diliputi di bawah Akta itu.

Bagi tujuan memberi perlindungan keselamatan sosial kepada lebih ramai pekerja, adalah dicadangkan supaya had gaji sebanyak \$1,000 di dinaikkan kepada \$2,000 tertakluk kepada syarat bahawa bagi mereka yang telah mula menyertai skim-skim PERKESO hendaklah terus diberi perlindungan, walaupun gaji mereka kemudiannya melebihi \$2,000 sebulan.

Adalah dicadangkan juga supaya pekerja-pekerja yang bergaji lebih daripada \$2,000 sebulan dan belum pernah layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 diberi perlindungan di bawah Akta itu secara pilihan dan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja, dan juga kepada syarat-syarat bahawa jika pekerja sedemikian telah mula diliputi oleh Akta itu, dia akan terus diliputi oleh Akta itu.

Di samping itu adalah dicadangkan supaya semua pekerja yang diambil bekerja dalam kegiatan menangkap ikan di luar atau diambil bekerja bagi maksud menanam, memelihara, dan menuai padi dan semua Orang Asli yang berpindah dari setempat ke setempat yang diambil bekerja dalam

perusahaan yang layak diliputi juga, diberi perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

- (3) Setiap pekerja pergi dan balik bekerja sama ada menggunakan kenderaan mereka sendiri ataupun kenderaan yang disediakan oleh majikan mereka atau berjalan kaki, mereka ini memang terdedah kepada risiko atau bahaya jalan raya semasa berjalan itu. Dalam hubungan ini, perlindungan terhadap kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik kerja kini terhad kepada pekerja-pekerja yang menggunakan kenderaan yang disediakan oleh majikan sahaja. Sebagai langkah yang memberi layanan yang sama kepada semua pekerja, adalah dicadangkan supaya skop bencana kerja itu diperluaskan untuk meliputi kemalangan semasa perjalanan mengikut laluan dari rumah ke tempat kerja dan balik dan dari tempat kerja ke tempat makan dan balik ke tempat kerja tanpa mengira cara perjalanan itu dibuat.
- (4) Untuk menyenangkan lagi pekerja-pekerja mendapatkan faedah-faedah di bawah Skim Pencen Ilat, adalah dicadangkan supaya caruman minimum bagi tiap-tiap tempoh kelayakan dikurangkan sebanyak 1/3 iaitu daripada 34 bulan kepada 24 bulan. Selaras dengan dasar itu, tempoh yang diambil kira bagi kelayakan penuh akan juga dikurangkan daripada 60 bulan kepada 40 bulan berturut-turut sebelum bulan notis ilat diterima oleh

PERKESO bagi pencen ilat atau sebelum bulan kematian orang berinsurans bagi pencen penakal dan faedah pengurusan mayat.

- (5) Buat masa ini pencen ilat dibayar mulai bulan selepas sahaja bulan orang berinsurans itu memberi notis mengenai keilatannya dan terhenti pada akhir bulan yang mendahului bulan bila keilatan itu pulih atau bila orang berpencen ilat itu mati. Adalah dicadangkan supaya cara pembayaran sedemikian diperbaiki iaitu pencen ilat itu mula dibayar pada hari notis ilat orang berinsurans itu diterima oleh PERKESO dan berakhir pada hari selepas sahaja hari orang berinsurans itu pulih atau mati. Cara sedemikian adalah lebih adil dan selaras dengan amalan bagi bayaran faedah hilang upaya kekal yang mana kiraannya adalah berasaskan kiraan harian.
- (6) Melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1987 kadar pencen pokok bulanan untuk pencen penakat telah dinaikkan dari 40% kepada 50% gaji bulanan purata untuk tempoh kelayakan penuh, manakala bagi tempoh kelayakan yang dikurangkan, kadar bulannya telah ditetapkan sebanyak 50% gaji bulanan purata. Bagaimanapun, bagi orang berpencen ilat yang meninggal dunia sebelum 1hb Februari 1986, kadar ini tidak dapat dilaksanakan disebabkan telah berlaku satu kesilapan yang tidak disengajakan semasa pindaan dibuat kepada Akta dalam tahun 1987. Oleh itu, adalah

dicadangkan supaya kes orang berpencen ilat yang meninggal dunia sebelum tarikh 1hb Februari 1986 itu juga diselaraskan mengikut kadar yang dinaikkan itu.

- (7) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah dipinda dalam lahun 1987 untuk membolehkan semua pekerja yang layak didaftarkan menerima perlindungan secara automatik mulai 1hb Oktober, 1971 walaupun perusahaan atau pekerja itu atau kedua-duanya tidak berdaftar dengan PERKESO. Sebelum pindaan itu dikuatkuasakan pada 1hb Julai, 1987 ramai majikan telah membayar caruman bagi pekerja-pekerja mereka yang belum didaftarkan. Bagaimanapun, Mahkamah Perusahaan dalam kes Lian Ann Lorry Transport and Forwarding Sdn. Bhd. vs. Govindasamy telah memuluskan bahawa caruman bagi seseorang pekerja hanya kena dibayar setelah perusahaan dan pekerja itu didaftarkan dengan PERKESO. Keputusan Mahkamah Perusahaan itu lelah mewujudkan satu keadaan di mana peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bertentangan dengannya. Sebaliknya, oleh kerana perlindungan telahpun diberi oleh PERKESO secara automatik sejak 1hb Oktober, 1971 berikutan pindaan akta yang dibuat dalam tahun 1987, maka adalah dicadangkan supaya apa-apa caruman yang telah dibayar bagi tempoh mulai 1hb Oktober, 1971 hingga sebelum 1hb Julai, 1987 bagi pekerja-pekerja yang belum didaftarkan itu dianggap sebagai caruman yang telah

dipungut secara sah di sisi undang-undang. Pindaan ini diperlukan supaya tindakan PERKESO untuk mengambil kira caruman sedemikian bagi tujuan penentuan kelayakan dan pengiraan faedah-faedah tidak bertentangan dengan keputusan Mahkamah Perusahaan itu.

- (8) Mengenai orang tanggungan pada masa ini untuk layak pendapat faedah orang tanggungan atau pencen penakat, ibu bapa atau nenek perempuan atau nenek lelaki, orang berinsurans yang mati itu hendaklah menggantung sepenuhnya, iaitu sebahagian besarnya kepada pendapatan orang berinsurans itu pada masa kematiannya. Adalah dicadangkan supaya syarat kebergantungan ini dilonggarkan daripada sebahagian besarnya kepada sebahagianya sebagaimana yang ditetapkan bagi orang-orang langgungan sekunder yang lain, adik-beradik umpamanya.
- (9) Pada masa ini seorang pekerja tidak dibenarkan membuat tuntutan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan pada masa yang sama membuat tuntutan di bawah Akta Pampasan Pekerja tahun 1952. Memandangkan pekerja-pekerja tertentu yang sekarang ini dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja 1952 akan diberi perlindungan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, maka adalah dicadangkan supaya Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dipinda supaya pekerja-pekerja sedemikian dan tanggungan-tanggungan mereka

dibenarkan membuat tuntutan dan menerima faedah di bawah kedua-dua Akta itu jika mereka layak membuat tuntutan di bawah kedua-dua Akta itu pada masa pindaan yang dicadangkan ini dikuatkuasakan. Pindaan ini khususnya akan memanfaatkan pekerja-pekerja yang masih mempunyai perlindungan insurans yang disediakan oleh majikan mereka di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952. Faedah ini akan tamat secara automatik apabila tamatnya tempoh polisi insurans berkenaan.

- (10) Di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan, jika seorang berinsurans ditimpa dua atau lebih bencana kerja yang mengakibatkan hilang supaya kekal, kadar harian bagi semua hilang upaya kekal itu bila dicampurkan boleh melebihi 100%. Memandangkan tafsiran maksimum bagi sesuatu kes hilang upaya kekal itu adalah 100%, maka adalah dicadangkan supaya kadar harian maksimum bagi faedah hilang upaya kekal dalam keadaan sedemikian dihadkan kepada 100% sahaja. Adalah dicadangkan juga supaya orang berinsurans yang mati akibat ditimpa bencana kerja atau tanggungannya dihindar daripada menuntut gantirugi sivil daripada rakan sekerjanya. Pindaan ini adalah selaras dengan perunlukan dan amalan semasa di mana perlindungan yang sama diberi kepada majikan.
- (11) Kadar-kadar faedah di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah berdasarkan kepada caruman

yang mana pula berdasarkan kepada gaji. Berikutan dengan cadangan untuk menaikkan had gaji bagi tujuan liputan daripada \$1,000 sebulan kepada \$2,000 sebulan, adalah dicadangkan supaya kumpulan-kumpulan gaji bagi tujuan bayaran caruman dan hitungan faedah ditambah daripada 14 kumpulan gaji kepada 24 kumpulan gaji. Kategori caruman juga dicadangkan supaya dikurangkan daripada 3 kepada 2 kategori memandangkan seseorang itu dilindungi sama ada di bawah Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat atau Skim Insurans Bencana Pekerjaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan lain yang dicadangkan termasuk hal-hal yang berkaitan dengan Jemaah Doktor, Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial, penggabungan kumpulanwang Keselamatan Sosial, kakitangan dan penguatkuasaan yang mana ada dijelaskan dalam Huraian di belakang Rang Undang-undang ini, dan tidak perlu bagi saya menjelaskannya lebih lanjut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan yang dicadangkan itu terbukti bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberi pertimbangan yang wajar ke atas keperluan-keperluan kaum pekerja dan sedapat boleh cuba memenuhi harapan mereka. Namun demikian, saya ingin memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kememorian Sumber Manusia akan terus mengkaji skim-skim yang diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan di mana apabila perlu membuat perubahan-perubahan yang sewajarnya demi menjaga kepentingan dan kesejahteraan pekerja-pekerja dan langgungan-tanggungan mereka. Saya

harap Rang Undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh dari Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Minta sokongan.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Tuan C. Krishnan.

5.48 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Saya ingin memuji Kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia atas pembentangan Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang yang lama memang ada beberapa loopholes, dengan izin. Oleh sebab itu, kita harus adakan satu Rang Undang-undang untuk melicinkan dan mengatasi segala masalah yang dihadapi oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia dan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau adalah seorang daripada golongan yang berpendapatan rendah yang pada masa beliau masih kecil beliau sungguh-sungguh telahpun mengambil minat di dalam hal PERKESO ini.

Tuan Adam bin Kadir: 'SOCSO'.

Tuan C. Krishnan: SOCSO di dalam bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, sekarang PERKESO. Saya

ucapkan tahniah kepada Kementerian kerana Kementerian telahpun mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja khususnya dalam perindustrian, perladangan, pembinaan dan lain-lain.

Saya juga mengucapkan tahniah kerana mereka mengambilkira tentang orang-orang Asli Nomad, orang-orang yang diambil bekerja untuk menangkap ikan di perairan maritime atau diambil bekerja di atas mana-mana vessel yang digunakan bagi maksud itu. Ini menunjukkan Kerajaan kita ini ber-sungguh-sungguh ingin menjaga pekerja-pekerja kita dan ingin menambahkan sumber-sumber tenaga manusia di dalam keadaan yang baik untuk kita menghadapi Wawasan 2020.

Pada masa dahulu, cuma 5 orang yang dapat perlindungan PERKESO ini. Pada masa kini, kita amat sukacita dan gembira kerana seorang pekerja atau lebih di bawah satu-satu majikan ini akan dapat perlindungan di dalam PERKESO ini. Dengan pindaan ini, majikan-majikan tidak boleh mengabaikan seperti undang-undang yang lama di mana mereka boleh kata yang mereka tidak mempunyai pekerja-pekerja tidak lebih daripada 4 orang ataupun kurang daripada 5 orang dan boleh lari daripada lunas undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasa 6(b) ada satu proviso seksyen 7 berkenaan dengan hal mendapatkan tunggakan caruman oleh majikan melalui potongan gaji mereka. Di-sinilah Kementerian Sumber Manusia harus mengambilkira tentang majikan-majikan yang tidak mahu mendaftarkan dengan skim ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap mereka? Kita sudah ada undang-undang. Saya boleh sebutkan satu kes di mana di sektor pengangkutan baru-baru ini, seorang telahpun mati akibat satu kemalangan. Apabila balunya berjumpa dengan

majikan beliau, jawapannya, "saya tidak boleh buat apa-apa", cuma boleh bagi gantirugi daripada poketnya sendiri kerana yang bergaji itu tidak berdaftar di dalam payroll, dengan izin. Dia menjalankan tugas dengan sewenang-wenangnya. Macam mana sekiranya majikan-majikan seperti ini tidak mendaftarkan dengan PERKESO? Apakah tindakan. Kementerian akan ambil tentang majikan-majikan yang berniat jahat?

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri ini akan ambil kira supaya menjalankan satu pemeriksaan dengan Registrar of Companies, dengan izin, dan adakan satu katalog supaya kita dapat pastikan bahawa majikan-majikan ini benar-benar berdaftar dengan PERKESO. Di sektor pengangkutan, kebanyakan penyelewengan-penyelewengan ini berlaku di mana mangsa-mangsa kemalangan itu memang tidak berapa faham dengan undang-undang. Apabila mereka mengalami kemalangan dan akibatnya meninggal dunia, tanggungan-tanggungan mereka menghadapi masalah-masalah. Oleh sebab itu, saya sungguh-sungguh berharap Kementerian ini carilah satu jalan supaya majikan-majikan itu sungguh-sungguh berdaftar dengan PERKESO.

Saya juga memuji Kementerian kerana Akta ini akan melindungi orang yang gajinya tidak melebihi \$1,000 sebulan, Dengan pindaan ini, liputan Akta ditambah untuk melindungi semua orang yang berpendapatan sehingga \$2,000 sebulan. Proviso yang baru ini dimasukkan untuk membolehkan mana-mana orang yang gajinya melebihi \$2,000 sebulan ini pun saya ingin dapat penjelasan dari Timbalan Menteri- melebihi \$2,000 ini, peguam-peguam sangat pandai apabila dia pergi mahkamah, kita kena pastikan iaitu kalau melebihi \$2,000, apa maksudnya, adakah melebihi \$2,001, \$3,000 atau \$4,000? Kita tetapkan kerana kita menghadapi

banyak masalah dengan peguam. Peguam-peguam ingin menjalankan pentadbiran negara. Mungkin mereka akan memutarbelitkan undang-undang seperti ini di dalam mahkamah. Saya ingin dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai proviso ini di mana tidak melebihi ataupun melebihi \$2,000 sebulan.

Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, macam manakah kedudukan dengan pekerja-pekerja di Dewan Bandaraya, di Kerajaan-kerajaan Tempatan? Apakah mereka akan dapat dilindungi oleh akta ini? Saya difahamkan daripada huraian-huraian Timbalan Menteri Sumber Manusia mengatakan bahawa pekerja-pekerja di dalam sektor swasta dapat dilindungi di dalam skim ini. Macam mana pekerja-pekerja yang bekerja di Dewan Bandaraya dan Kerajaan Tempatan? Mereka pun bekerja juga, mereka pun akan mengalami masalah. Mungkin ada skim pencen tetapi apa salahnya sekiranya mereka dapat perlindungan daripada Skim Keselamatan Sosial ini? Oleh sebab itu, saya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh, kalau mereka tidak dapat perlindungan, bawa satu lagi pindaan untuk masa yang akan datang di dalam Dewan ini kerana mereka pun sebagai pekerja-pekerja sentiasa menghadapi masalah kemalangan dan lain-lain.

Tuan Azman Atar bin Othman;
Minta penjelasan.

Tuan Adam bin Kadir: Sila.

Tuan Azman Atar bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Yang Berhormat dalam perbahasan tadi ada menyebut peguam-peguam terlalu pandai. Saya ingin tahu maksud "pandai" tadi-dia menipukah, dia membohongkah atau apa kerana yang akan menjawab Timbalan Menteri ini juga peguam. Ini saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Tuan Adam bin Kadir: Jadi, tidak ada masalahlah. Peguam lawan peguamlah.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua peguam baik. Timbalan Menteri itu peguam yang baik. (*Ketawa*) Saya pernah bawa kes kepada dia dan saya tahu dia orang baik. Tetapi dia tidak duduk dalam Bar Council. Kalau duduk dalam Bar Council, mungkin dia pun rosak. (*Ketawa*) Bukan semuanya, kalau kita kata satu Senator buat salah, bukan bererti semua Senator buat salah. Mungkin ada yang menganggap dirinya pandai. Kalau ada satu undang-undang di mana ada loop-hole, mungkin dia akan memutarbelitkan mahkamah dan Kerajaan. Oleh sebab itulah saya menitikberatkan supaya dalam Fasa 43, di mana melindungi semua orang yang berpendapatan sehingga \$2,000 sebulan; suatu proviso baru dimasukkan untuk membolehkan manamana orang yang gajinya melebihi \$2,000 sebulan dan majikan memilih secara sukarela untuk membuat caruman di bawah Akta ini.

Dalam hal yang demikian, orang itu disifatkan sebagai seorang pekerja di bawah Akta ini. Saya minta penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini sungguh baik tetapi pesanan ini mesti sampai kepada orang-orang di luar bandar. Kalau pesanan ini tidak sampai kepada orang-orang luar bandar, Akta ini berapa baikpun tidak berguna. Ada satu kes di Daerah Sepang, saya berasal dari Daerah Sepang, sebab itulah saya selalu timbulkan masalah Daerah Sepang di mana seorang pertengahan datang ke estet dan dia berjumpa dengan seorang yang telah mengalami kemalangan, hilang satu kaki. Orang ini berkata, "Jangan risau, saya boleh runding dengan peguam. . ."; peguam mana saya tidak tahu, ". . . .Pejabat

PERKESO supaya saya akan aturkan pencen ilat tetapi dengan syarat anda kena bayar \$1,000 di bawah meja". Di bawah meja itu dia kata.

Tuan Adam bin Kadir: Di bawah mejakah atau main bola?

Tuan C. Krishnan: Mana satupun boleh. Ini orang Puteh kata, "under the table". Ini adalah satu yuran ataupun fees yang beliau kena bayar atas perkhidmatan orang-orang berkenaan ini. Beliau telahpun bayar kepada orang yang berkenaan. Saya telah melaporkan kes ini kepada Pejabat PERKESO di Kelang. Kalau boleh, Kementerian Sumber Manusia ini harus mengadakan beberapa ceramah melalui Jabatan Penerangan, melalui RTM dan media-media cetak terutama sekali di media cetak bahasa Tamil, bahasa Cina dan bahasa Inggeris, kalau boleh.

Bahasa Malaysia kita memang sudah ada banyak risalah berkenaan dengan PERKESO, apakah tujuan PERKESO dan faedah-faedahnya telahpun kita terima banyak dan mungkin ada golongan-golongan yang di kawasan luar bandar, umpamanya di estet, mungkin mereka tidak berapa faham maka saya mengesyorkan supaya diadakan satu peruntukan khas di mana mereka benar-benar dijelaskan mengenai pindaan ini supaya mereka tidak boleh diputarbelitkan oleh orang-orang berkenaan. Saya sungguh-sungguh berharap, janganlah seperti rakan sejawat saya timbulkan baru-baru ini, kita mengheboh-hebohkan mengenai AIDS. Tetapi apabila kita undang pegawai-pegawai itu

Dato' M. Mahalingam: Apa kena-mengena AIDS dengan Rang Undang-undang ini?

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma beri satu contoh di mana pegawai-pegawai itu tidak mengambil berat. Apabila kita hendak mengadakan sesuatu yang meng-

akibatkan suatu keadaan buruk, betapa bahaya AIDS itu, dan Kerajaan sentiasa mengiklankan dalam Radio dan TV mungkin orang-orang di luar bandar mereka tidak tahu apakah AIDS itu dan apabila kita mengadakan seminar-seminar, pegawai-pegawai yang diundang daripada Kementerian Kesihatan tidak dapat hadir. Jadi, matlamat itu lelah gagal.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusi Mesyuarat*)

Oleh sebab itu apabila kita mengadakan seminar-seminar, kita undang pegawai-pegawai daripada Pejabat PERKESO, mereka akan jawab, "tidak ada peruntukan, mileage tidak boleh dituntut, Kementerian tidak luluskan, kita kena berjimat-cermat, Pejabat kami ada banyak cawangan-Kelang ada satu, Petaling Jaya ada satu, Kluang ada satu, mana-mana bandar besar ada pejabat-pejabat cawangan. Kita tidak dapat hadir".

Saya tidak mahu jawapan seperti ini, saya sudah bosan. Apabila penerangan harus sampai kepada orang ramai, mesti disampaikan penerangan dengan tepat. Kalau tidak ada penerangan tepat, mereka adalah satu golongan yang tidak berinform, mereka akan menjadi mangsa kepada orang-orang pertengahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedia maklum bahawa beliau sekarang banyak melawat estet-estet dan beliau pun dipersoalkan oleh pekerja-pekerja di sana. Apakah PERKESO ini? Bapak Menteri telah bercakap dalam Seminar.seminar Antarabangsa mengenai PERKESO bahawa ini akan dipinda tetapi mereka tidak faham. Oleh sebab itulah saya mengesyorkan, segala undang-undang baik, tetapi maklumat ini mesti sampai kepada orang-orang bawahan, orang-orang tertentu, the targeted groups, dengan izin, bukan sahaja harus menerima tetapi memahami betapa suci murni Akta Keselamatan Sosial ini.

Saya sungguh-sungguh berharap, kalau boleh, kita luluskan satu peruntukan khas untuk menyebarkan mengenai Akta ini. Saya sungguh-sungguh berharap sekiranya maklumat ini sampai, mereka akan bangga dengan Akta ini, Barisan Nasional boleh dikekalkan selama-lamanya, mahupun di negara Kelantan. (*Tepuk*) Inilah tujuan satu Kerajaan yang sentiasa mengira tentang kebajikan pekerja-pekerjanya. Kita bukan mengabaikan kebajikan pekerja-pekerja. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan menitik-beratkan tentang kebajikan pekerja-pekerja di samping kita menghadapi Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya huraikan pada masa dahulu bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia harus berjaga-jaga apabila proviso-proviso ini diamalkan supaya mana-mana pihak jangan lari daripada undang-undang yang sedia ada.

Dengan ini pun saya ingin dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Sumber Manusia, caruman ini kalau boleh dicantumkan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF). Kalau boleh cantuman ini hendaklah dipotong seperti kita memotong Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Saya cadangkan supaya caruman-caruman untuk skim ini dimestikan supaya majikan-majikan ini harus memotong ini daripada gaji mereka, Sekiranya tidak, Kementerian boleh ambil tindakan terhadap majikan-majikan yang enggan bekerjasama dengan Kerajaan untuk mengutipkan caruman-caruman PERKESO ini.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua; saya menyokong penuh Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Tuan Dahalan Haji Embun.

6.10 *ptg.*

Tuan Dahalan Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong dan seterusnya membahar ringkas di atas Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991. Kita telahpun mendengar banyak yang dikatakan oleh sahabat saya ladi yang bertutur mengguna bahasa baku, loghat India (*Ketawa*) tetapi oleh sebab saya ini datang daripada kampung, saya bercakap macam kampunglah, Tuan Yang di-Pertua.

Memang pindaan ini tepat pada masanya dan saya ucap tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah membawa Rang Undang-undang ini untuk melindungi kaum pekerja. Tetapi ada satu dua bidang lagi yang saya agak penting juga untuk pekerja-pekerja. Itu lidak ada masalah lagilah. Tetapi ada kalanya pula, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah pekerja-pekerja yang tiba-tiba tidak ada kerja. Ini mungkin kerana keadaan retrenchment. Memang Kerajaan ataupun pihak PERKESO ada memberi retrenchment benefit atau syarikat membayar retrenchment benefit. Tetapi ini mungkin tidak cukup. Retrechment benefit mungkin meliputi sebulan, dua bulan atau tiga bulan sahaja sedangkan penganggur tadi terpaksa hidup mungkin enam bulan, tujuh bulan atau sampai setahun pun belum ada kerja lagi. Jadi tidak ada perlindungan.

Satu lagi keadaan bila syarikat itu sudah kena winding-up, bankrap. Kompeni sudah jadi insolvent, tidak ada duit hendak bayar gaji lagi. Firm atau syarikat perniagaan itu bankrap atau majikan sendiri bankrap, keadaan ini menyulitkan juga pekerja-pekerja. Bukan majikan tidak mahu bayar gaji, sudah jadi insolvent, tidak ada duit hendak bayar, memang tidak ada punca duit hendak bayar hinggakan syarikat ataupun firm atau majikan sendiri pun terpaksa kena tutup perniagaannya.

Jadi, kita dapati dalam keadaan sekarang pun tidak ada perlindungan untuk pekerja-pekerja dalam golongan ini. Ada juga kadangkala pekerja-pekerja yang kena buang kerja di atas sebab-sebab tertentu yang mungkin munasabah. Ataupun mungkin kerana masalah jenayah ataupun tuduhan jenayah tetapi sebagai seorang pekerja sama ada dibuang kerja kerana jenayah atau tidak jenayah, dia terpaksa kena hidup juga. Ini pun menjadi satu masalah juga.

Saya dapati ada di negara-negara Barat yang mengajurkan un-employment scheme di mana seseorang yang telah hilang kerja akan dilindungi oleh skim insurans ini untuk contohnya enam bulan ataupun setahun ataupun sehingga dia dapat kerja barulah insurans ini akan berhenti membayar faedah kepadanya.

Jadi, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian sama ada pihak Kementerian ingin membuat cadangan supaya melindungi keadaan-keadaan sebegini. Yang penting sekali, bila company itu atau majikan itu sudah jadi bankrap. Apakah perlindungan yang dapat kita beri sekiranya SOCSO tidak dapat hendak beri.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Tuan Munisamy a/l Kuppam.

6.15 *ptg.*

Tuan Munisamy a/I Kuppam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1991.

Pada keseluruhannya saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial pekerja ini. Walau bagaimanapun saya ingin mem-

bangkitkan masalah pekerja-pekerja yang tidak ditimbulkan di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu pekerja-pekerja yang mula bayar caruman terhadap SOCSO tidak mendapat keuntungan segera kerana tidak lahu bagaimana SOCSO membayar. Saya dapat tahu selepas bayar 15 bulan sahaja baru dia dapat keuntungan atau faedah oleh pekerja-pekerja yang bekerja di dalam ladang-ladang ataupun di kilang-kilang. Saya harap sepatutnya selepas bayar caruman, mesti dikuatkuasakan selepas dibuat bayaran ketika itu dan juga negara kita menghadapi kekurangan. ...

Dato' M. Mahalingam: Saya minta penjelasan mengenai caruman-caruman yang tidak mendapat faedah itu.

Tuan Munisamy a/I Kuppam: Caruman-caruman telah mula dibayar tetapi pekerja-pekerja tidak dapat menikmati faedah itu, hanya selepas bayar 15 bulan barulah mereka dapat faedah seperti kena kemalangan, maka SOCSO mula bayar. Sebelum itu pekerja tidak mendapat banyak faedah yang dibayar kepada mereka. Dan juga negara sekarang kita menghadapi kekurangan pekerja-pekerja. Dengan hal yang demikian, pekerja-pekerja yang berumur lebih 55 tahun ataupun yang bersara, saya rasa mereka yang seperti itu tidak dapat apa-apa faedah SOCSO daripada majikan selepas mereka mula bayar caruman. Begitu juga EPF mereka tidak dipotong. Tetapi mereka yang diambil untuk bekerja di dalam kilang-kilang ataupun di ladang-ladang adalah berumur lebih 55 tahun.

Saya harap Kementerian Sumber Manusia akan mengambil tindakan untuk mengawal pekerja-pekerja yang berumur lebih 55 tahun ini. Begitu juga tentang caruman-caruman yang banyak

disimpan oleh SOCSO tetapi pampasan yang diberi tidak memuaskan, seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari sebelah sana. Saya juga ingin mendapat tahu SOCSO meliputi golongan-golongan pekerja tetapi ada juga golongan-golongan pekerja domestik belum lagi diliputi oleh SOCSO. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia.

Dan juga saya ingin menyebut di sini tentang pencen. Pekerja-pekerja yang jatuh sakit atau kena kemalangan harus dapat Medical Board Certificate, dengan izin, untuk mendapat pencen. Tetapi di sini ramai pekerja sukar mendapat sijil ini walaupun mereka tidak mahu bekerja kerana contohnya ada seorang pekerja menoreh getah tidak mampu bekerja selepas kena accident pada tangan sebelah kanan. Akibatnya dia tidak boleh menoreh getah lagi. Walaupun begitu apabila dia merayu kepada Medical Board, mereka tidak mahu mengeluarkan sijil kepada pekerja itu. Bagaimana dia hendak bekerja lagi, walaupun dia bayar caruman kepada SOCSO tetapi dia tidak dapat apa-apa keuntungan. Ini harus diambil perhatian oleh Kementerian untuk mempertimbangkan perkara ini. Itulah yang banyak berlaku di ladang-ladang ataupun lain-lain tempat seperti factory dan sebagainya. Itulah sebabnya saya membangkitkan perkara ini kepada Kementerian Sumber Manusia untuk di atasi masalah ini.

Pada keseluruhannya saya mengalu-alukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1991. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang hendak bercakap? Berdiri cepat.

Dato' Azumu bin Tak: (*Bangun*),

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bercakap?

Dato' Azumu bin Tak: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

6.20 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak SOCSO ini ditubuhkan di negara kita dalam tahun 1970 saya perhatikan bahawa ianya mendapat sambutan yang begitu baik di kalangan pekerja dan juga dari kalangan majikan. Ada di antara pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan itu telah menerima faedah daripada SOCSO ini dan faedah yang diterima oleh mereka itu diperhatikan didapati dengan cepatnya dan tidak menghadapi apa-apa masalah, sama ada dari segi untuk meminta ataupun untuk membuat rayuan akibat daripada kemalangan yang menimpa mereka itu. Ini membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa waspada terhadap pekerja-pekerja di kilang-kilang di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan yang dibuat di hadapan kita ini, perlindungan juga akan diberi kepada semua pekerja. Jika majikan itu mempunyai seorang pekerja pun, ia terpaksa mendaftarkan dirinya di dalam SOCSO ini. Saya ingin bertanya sama ada jika seseorang itu menggajikan seorang pemandu kereta, misalnya, adakah ia juga terpaksa mendaftar di dalam SOCSO ini?

Perkara yang juga menggalakkan adalah pekerja-pekerja yang mendapat kemalangan di masa hendak pergi bekerja dan juga balik. Di masa ini kebanyakan pekerja-pekerja kilang ini menggunakan motosikal untuk pergi kerja dan balik dan mereka itu sentiasa berhadapan dengan kemalangan jika mereka pergi/balik bekerja kerana

menunggang motosikal ini. Mengikut Fasa 17 di hadapan kita, mereka ini juga akan dilindungi dan ini saya mengucapkan lahniah kepada Kerajaan kerana ini adalah satu usaha yang amat baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Fasa 13 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana perindustrian atau golongan perindustrian kepunyaan mana-mana badan berkanun daripada kuatkuasaan Akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapakah ada fasal yang begini. Saya faham, seperti sahabat saya. Yang Berhormat Encik C. Krishnan menyebutkan tadi, pekerja-pekerja yang bekerja dengan Kerajaan Tempatan atau Badan-badan Berkanun yang lain juga perlu diawasi dan perlu disamakan di dalam SOCSO ini. Pekerja-pekerja yang bekerja dengan Kerajaan Tempatan seperti buruh-buruh kasar yang mengangkat sampah dan sebagainya, perlu juga dijaga dan saya hairan kenapa mereka ini dikeluarkan daripada Akta ini. Selain daripada Kerajaan Tempatan, kita juga ada Badan-badan Berkanun Kerajaan yang lain di mana bilangan pekerja yang berpendapatan di bawah \$2000 begitu ramai sekali, pekerja-pekerja yang bekerja di luar seperti di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, misalnya, yang ada projek-projek perumahan di mana teknisyen-teknisyen mereka sentiasa pergi ke hulu ke hilir untuk menjaga projek-projek perumahan, dan mereka ini juga haruslah dilindungi oleh SOCSO ini. Saya berharap bahawa, sungguhpun Menteri berkuasa untuk mengecualikan ini, tetapi Kerajaan harus mengarahkan supaya Badan-badan Berkanun yang mendapat keuntungan yang besar juga diperintahkan supaya pekerja-pekerja mereka dilindungi oleh SOCSO.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di dalam

perlindungan SOCSO ini adalah mereka kurang faham tentang faedah-faedah yang mereka perlu terima ataupun ada juga pekerja-pekerja, di mana mungkin Kerajaan tidak sedar bahawa mereka tidak tahu bahawa mereka adalah dilindungi oleh SOCSO dan sebahagian daripada gaji mereka adalah dipotong dan dibayar kepada SOCSO dan majikan juga membayar demikian. Mereka cuma faham bahawa mereka ada KWSP sahaja. Oleh itu saya harap usaha-usaha harus dibuat supaya penerangan yang lebih dan luas dapat diberi kepada pekerja-pekerja ini. Pegawai-pegawai Buruh yang membuat lawatan-lawatan ke kilang-kilang biasanya mereka membuat lawatan cuma untuk memeriksa fail-fail sahaja yang ada di Jabatan-jabatan dan di syarikat-syarikat berkenaan dan tidak langsung berjumpa dengan pekerja-pekerja. Saya berharap disyaratkan supaya pegawai-pegawai ini diberi masa untuk berjumpa dengan pekerja dan selain daripada memberitahu tanggungjawab mereka tentang perkara-perkara biasa, perkara SOCSO ini juga harus diterangkan kepada mereka, umpamanya jika mereka mendapat kemalangan, putus jari, misalnya, mereka patut mendapat banyak wang daripada SOCSO dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteei Sumber Manusia telah memberi kenyataan akhbar yang menyatakan bahawa sedikit masa lagi ada satu skim bagi membolehkan syarikat-syarikat yang bankrap seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dahalan tadi, mencarum sedikit wang supaya apabila ia ditutup, ada wang untuk diberi kepada pekerja-pekerja yang berkenaan.

Saya ingin menyarankan supaya pemberian wang yang disebutkan itu

dimasukkan di dalam skim SOCSO ini dan tidak perlu diadakan undang-undang yang lain. Mengikut kehendak Menteri yang berkenaan tiap-tiap syarikat kena bayar \$100-\$200 dan diharapkan dengan beberapa ribu syarikat yang ada, dapat lebih kurang \$100 jutadan sebagainya, dan ini akan cukup untuk membiayai syarikat-syarikat yang ditutup. Saya agak ini akan memakan masa dan sebagainya, tetapi untuk kepentingan bersama, ianya harus dibuat melalui SOCSO ini dan perlindungan di dalam SOCSO ini harus diperluaskan.

Kita sedar bahawa masalah pekerja yang kena berhenti ini bukan sahaja disebabkan syarikat itu ditutup, tetapi disebabkan oleh masalah peribadi pekerja-pekerja itu. Masalah dia malas bekerja dan sebagainya juga harus dilindungi kerana kadang-kadang masalah peribadi pekerja itu, dari segi syarikat dia boleh dibuang kerja begitu sahaja, tetapi tidak dikaji dengan sepenuhnya masalah peribadi seseorang itu. Mungkin dia seorang yang sakit dan tidak hendak pergi ke doktor, percayakan sangat kepada bomoh dan sebagainya dan langsung tidak pergi kerja kerana bomoh itu berkata jangan pergi bekerja. Inilah masalah-masalah peribadi yang harus juga dijaga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah sambung ucapan Yang Berhormat besok?

Dato' Azumoo bin Tak: Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga hari esok pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.